

**Tarif air tidak naik,
hutan simpanan kekal
tidak diteroka**

MS 3 & 5

**Indahnya terbit, terbenam
matahari di Bukit
Bendera**

MS 14 & 15



buletin **Mutiara**



PERCUMA

www.buletinmutiara.com



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

1 – 15 MEI, 2017

AES & i-Sejahtera, kekayaan negeri dikongsi bersama semua rakyat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

JAWI - Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang sejak 2009 hingga Mac 2017 membelanjakan sejumlah RM23.2 juta untuk tujuan bantuan kewangan bulanan di bawah Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) kepada 1,411 penerima terpilih di negeri ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, program berkaitan sama sekali berbeza dengan hasrat Kerajaan Pusat melaksanakan kembali saman ekor melalui Sistem Penguatuasaan Automatik (AES) di jalan-jalan Persekutuan, termasuk di Pulau Pinang.

"AES (Sistem Penguatuasaan Automatik) yang dilaksanakan Kerajaan Pusat adalah saman ekor dan 'angkat' wang daripada poket rakyat, tapi AES (Agenda Ekonomi Saksama) beri RM23.2 juta (RM23,215,968) kewangan setiap bulan kepada 1,411 penerima di Pulau Pinang sampai sekarang," katanya pada Majlis Pembayaran Program AES & i-Sejahtera Peringkat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan memberitahu, Program AES di negeri ini juga akan memastikan tiap-tiap anggota keluarga mempunyai pendapatan per kapita isi rumah sekurang-kurangnya RM220 sebulan.

"Mana-mana keluarga yang berpendapatan per kapita kurang daripada RM220, Kerajaan Negeri akan tambah nilai (*top up*) sehingga genap RM220. Contoh sekiranya, sebuah keluarga mempunyai lima orang ahli isi rumah dan pendapatan bulanan diperoleh ialah RM1,000, maka Kerajaan Negeri akan memberi tambah nilai RM100 setiap bulan.

"Kita (Kerajaan Negeri) bukan memberi bantuan kewangan lima tahun sekali (sebagaimana amalan Kerajaan Pusat menjelang pilihan raya umum), tapi tiap-tiap bulan.

"Inilah (Program AES) sesuatu yang tidak pernah diterima rakyat sebelum tahun 2008," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih sambil menyeru semua rakyat



PARA penerima sumbangan AES dan i-Sejahtera peringkat SPU bergambar kenangan dengan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada majlis khas yang diadakan di sini baru-baru ini.

terus mengukuhkan sokongan serta memberi mandat kepada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan hari ini.

ADUN Jawi, Soon Lip Chee; ADUN Sungai Bakap merangkap Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Maktar Shapee; Dato' Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal) dan Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan, Mohd. Ali Sebran hadir sama.

Malah, di majlis serupa peringkat Seberang Perai Utara (SPU), Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Penasihat Strategik Kepada YAB Ketua Menteri, Datuk Saifuddin Nasution Ismail turut menyertai majlis pemberian RM1,000 kepada waris warga emas meninggal dunia, serta RM100 kepada ibu tunggal berdaftar di sini.

Hadir sama, Pegawai Penerangan Pejabat Ketua Menteri, Zahar Zainul; Pegawai Penyelaras KADUN Permatang Berangan, Ahmad Fahmi A. Bakar serta bekas Timbalan

Menteri Pertanian dan Asas Tani, Datuk Seri Mohd. Shariff Omar.

Sebelum itu, Saifuddin Nasution menyatakan bahawa, sejak tahun 2008 hingga kini, **sebanyak RM412.63 juta bantuan kewangan di bawah program i-Sejahtera dibelanjakan secara tunai langsung kepada warga emas, ibu tunggal, ibu emas, bayi baru lahir, 'pelajar emas', orang kurang upaya (OKU), mahasiswa daftar masuk universiti terpilih dan waris warga emas meninggal dunia.**

"Ini yang Pakatan Harapan telah buktikan sejak tahun 2008 di Pulau Pinang, kita dapat saksikan dan merasai sendiri kekayaan negeri dikongsi bersama semua rakyat.

"Bayangkan jika model pentadbiran bersih dan anti rasuah ini mengambil alih Kerajaan Persekutuan, sudah tentu lebih lagi program kebajikan yang mampu dirasai rakyat seperti pada hari ini boleh dilaksanakan kelak," jelasnya sambil menyeru semua lapisan rakyat terus menyokong Kerajaan Negeri hari ini.

Sementara itu, Ahmad Fahmi memuji

pentadbiran Guan Eng kerana mengagihkan kekayaan di bawah AES secara menyeluruh, termasuk di Parlimen Tasek Gelugor dan Kepala Batas yang ketika ini diwakili oleh pembangkang Pulau Pinang.

"Dan, lebih 50 peratus penerima (694 orang berbanding semua 1,411 penerima) adalah dari daerah Seberang Perai Utara (SPU).

"Ertinya, Kerajaan Negeri tidak mengabaikan rakyat termasuk Melayu di Tasek Gelugor dan Permatang Berangan, sungguhpun majoriti pengundi di sini memberi mandat kepada pihak pembangkang Pulau Pinang," ujarnya sambil memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang begitu komited memartabat Islam dan umatnya di negeri ini.

Difahamkan, seramai 193 penerima bantuan kewangan di bawah Program AES adalah dari daerah SPS; SPU (694); Seberang Perai Tengah, SPT (228); Daerah Barat Daya, DBD (162) dan Daerah Timur Laut, DTL (134) menjadikan jumlah keseluruhan penerima adalah 1,411 orang.

Tun Dr. Abdul Rahman terima lantikan semula sebagai TYT Negeri

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

GEORGE TOWN - Tun Dr. Abdul Rahman Abbas pada 29 April lalu menerima lantikan semula sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang (TYT) bagi tempoh empat tahun sehingga 2021 dalam satu istiadat dekat kediaman rasminya di Seri Mutiara di sini.

Menemaninya Abdul Rahman ialah isterinya, Toh Puan Majimor Shariff.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang bersama isteri; Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng serta isteri.

Ketika berucap, Guan Eng menyatakan rasa syukur kerana di bawah kepimpinan Abdul Rahman, negeri Pulau Pinang bertambah maju dan makmur.

"Kewibawaan Tuan Yang Terutama Tun (Abdul Rahman) memang menyerlah dengan menjadi tumpang Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang paling lama dalam sejarah, iaitu selama 16 tahun sejak mula dilantik pada 1 Mei 2001.

"Kerajaan Negeri juga menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sudi memperkenankan lantikan Tuan Yang Terutama Tun dalam upacara penyerahan watikah di Istana Negara sehari sebelum itu," ucapnya pada majlis berkaitan.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; Hakim Besar Malaya, YAA Tan Sri Datuk Wira Ahmad Maarop; Hakim Utama Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, YA Dato' Hadhariah Syed Ismail; Ahli-ahli DUN serta tetamu-tetamu kehormat lain.

Abdul Rahman sebelum ini menerima lantikan sama pada tahun 2001, 2005, 2009, 2011, 2013 dan 2015.

Dilahirkan pada 15 April 1938 di Kampung Permatang Rambai, Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU), beliau pernah memegang tumpuk kepimpinan Kerajaan Negeri



DR. Abdul Rahman Abbas dan isteri bergambar kenangan dengan Ketua Menteri, Speaker DUN serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri selepas selesainya Majlis Penerimaan Lantikan Semula TYT dekat Seri Mutiara di sini baru-baru ini.

termasuk Pemangku Ketua Menteri pada tahun 1982.

Beliau juga pernah menerajui DUN sebagai Yang di-Pertua dari tahun 1990 hingga 1995.

(Rujuk teks ucapan penuh Ketua Menteri.)



DR. Abdul Rahman Abbas menandatangani watikah pelantikan beliau sebagai TYT Negeri Pulau Pinang bagi tempoh empat tahun lagi.

Ucapan Ketua Menteri Pulau Pinang Sempena Istiadat Mengangkat Sumpah Pelantikan Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas

Pada 29 April 2017 (Sabtu)
Di Seri Mutiara

Transformasi ke arah negeri keusahawanan dan kebajikan

1. Kewibawaan Tuan Yang Terutama Tun memang menyerlah dengan menjadi tumpang kerajaan negeri Pulau Pinang yang paling lama dalam sejarah selama 16 tahun sejak mulai dilantik pada 1hb Mei 2001. Kerajaan negeri juga menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sudi memperkenankan lantikan Tuan Yang Terutama Tun dalam upacara penyerahan watikah di Istana Besar semalam.

2. Dalam usaha untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa dan pintar, Kerajaan Negeri perlu menjayakan transformasi ke arah negeri keusahawanan dan kebajikan, di mana semua rakyat diberikan peluang yang sama untuk mencapai kemajuan ekonomi serta hasil kemakmuran juga dapat dinikmati oleh semua tanpa kira agama dan kaum. Transformasi ini bernampak hasil bila pertumbuhan per kapita GDP telah membangun daripada tercorot di bawah di antara semua negeri-negeri di Malaysia dalam tempoh 2005-2015 kepada yang paling baik mulai 2013 ke 2015.

3. Pulau Pinang adalah satu-satunya negeri di Malaysia dengan sektor pembuatan menyumbang 45 peratus dan

sektor perkhidmatan menyumbang 50 peratus kepada GDP negeri. Jumlah pelaburan mencatatkan peningkatan sebanyak 73 peratus iaitu peningkatan daripada RM34.2 bilion pada tahun 1999-2007 kepada RM59.2 bilion untuk tempoh 9 tahun yang sama pada tahun 2008-2016. Peluang pekerjaan baru juga naik 15 peratus daripada 121,511 pekerjaan baru untuk tempoh 1999-2007 kepada 139,133 pekerjaan baru untuk tempoh 2008-2016. Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dengan agensi Kerajaan Persekutuan yang terlibat untuk menarik lebih banyak pelaburan.

4. Dalam sektor pelancongan, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah melebihi kapasiti penumpang sebanyak 6.5 juta dengan mengendalikan 6.7 juta penumpang dalam 2016, iaitu 4 tahun lebih awal daripada anggaran 2020. Prestasi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan dengan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan juga hospital-hospital berkualiti mendapat perhatian seluruh dunia. CNN meletakkan Pulau Pinang di tempat kedua daripada 17 tempat paling menarik yang mesti dilawati di dunia pada

tahun 2017. Manakala website kesihatan International Living telah mengiktiraf Pulau Pinang sebagai "No.1 Best Healthcare In the World". Baru-baru ini, pengajuran Penang International Food Festival (PIFF) yang

pertama di Pulau Pinang untuk meraikan makanan Pulau Pinang yang paling sedap di dunia, khususnya makanan jalanraya, telah menarik lebih 400,000 pengunjung.

(Bersambung di muka 10).



WCS terbukti kurangkan penggunaan air domestik, galak konservasi air – Ir. Jaseni

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN – Pengenalan Surcaj Pemuliharaan Air atau *Water Conservation Surcharge* (WCS) terbukti mampu mengurangkan penggunaan air domestik sekaligus menggalakkan konservasi air.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, dalam tempoh tahun 2000 hingga 2010, penggunaan air domestik per kapita meningkat daripada 255 liter per kapita setiap hari (l/k/h) kepada 291 l/k/h atau peningkatan 1.28 peratus setahun sepanjang tempoh tersebut.

"Namun, setelah WCS diperkenalkan pada November 2010, pada kadar RM0.24 bagi setiap 1,000 liter selepas penggunaan 35,000 liter pertama sebulan, penggunaan air domestik berkurang menjadi 285 l/k/h.

"Tetapi, pada 2012, penggunaan air domestik meningkat semula kepada 294 l/k/h dan 295 l/k/h pada tahun berikutnya (2013).

"Kemudian, pada tahun 2013, kita (PBAPP) menaikkan surcaj WCS ini daripada RM0.24 kepada RM0.48 bagi setiap 1,000 liter, dan sekali lagi penggunaan air menunjukkan pengurangan menjadi 293 l/k/h pada 2014 dan 291 l/k/h (2015).

"Hasil surcaj WCS, penggunaan air domestik per kapita di Pulau Pinang berjaya dikawal menjadi 286 l/k/h pada 2016," jelasnya sambil merujuk kepada jadual penggunaan air domestik di Pulau Pinang sejak 16 tahun lalu.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu, **sekiranya Kerajaan Negeri dan PBAPP tidak mengambil langkah mengenakan surcaj WCS, secara unjuran, penggunaan air domestik Pulau Pinang boleh mencecah sehingga 315 l/k/h pada tahun 2016.**

Beliau berkata, terdapat hubung kait antara tarif dan penggunaan air domestik per kapita.

"Pengguna akan kurang menggunakan air sekiranya mereka perlu membayar lebih untuk mendapat ia.

"Kita lihat kepada enam negeri di Malaysia untuk perbandingan tarif dan penggunaan air domestik per kapita,

termasuk Singapura.

"Di Johor misalnya, purata tarif air adalah RM1.31 bagi setiap 1,000 liter untuk 35,000 liter pertama setiap bulan dan penggunaan air adalah 221 l/k/h.

"Di Melaka, purata tarif air domestik adalah RM0.89 bagi setiap 1,000 liter dan penggunaan air domestik per kapita meningkat daripada 255 liter per kapita setiap hari (l/k/h) kepada 291 l/k/h atau peningkatan 1.28 peratus setahun sepanjang tempoh tersebut.

"Di Pulau Pinang, purata tarif air adalah RM0.32 bagi 1,000 liter dan penggunaan air domestik per kapita kita paling tinggi iaitu 286 l/k/h.

"Jika dibandingkan dengan Singapura, purata tarif air adalah RM4.81 dan penggunaan air domestik per kapita cuma 148 l/k/h, jauh lebih rendah daripada penggunaan air domestik per kapita oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," ujarnya yang menunjukkan jadual perbezaan penggunaan air domestik dan purata tarif air secara relatif.

Dalam pada itu, Jaseni turut mendedahkan surat yang dikirimkan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada 18 September 2013 yang meminta supaya Kerajaan Negeri melalui operator bekalan air yakni PBAPP, meningkatkan usaha bagi mengawal penggunaan air per kapita ke tahap yang munasabah.

"Malah, Menteri di Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) juga meminta supaya negeri Pulau Pinang mengoptimalkan penggunaan air sekurang-kurangnya sehingga 250 l/k/h bagi kawasan bandar dan 240 l/k/h bagi kawasan luar bandar supaya sumber bekalan air sedia ada mencukupi sehingga tahun 2030.

"Oleh itu, PBAPP mahu semua 504,400



IR. Jaseni Maidinsa menunjukkan kedua-dua jadual berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.

pengguna air domestik berdaftar di Pulau Pinang supaya mengurangkan penggunaan air 10 peratus di rumah bagi membolehkan sekurang-kurangnya jumlah penggunaan per kapita air domestik mencapai 257 l/k/h.

"Sasaran ini ditetapkan agar semua pengguna dapat menjimatkan air sekaligus mengelakkan catuan air kerana keutamaan kami (PBAPP) ialah tiada catuan air di Pulau Pinang," jelasnya.

Sementara itu, Guan Eng yang turut sama dalam sidang media tersebut menegaskan bahawa **surcaj WCS hanya dikenakan kepada pengguna air domestik yang membazirkan air dan bukannya tarif air.**

"Pengguna perlu faham, kita (PBAPP) hanya menaikkan kadar surcaj WCS untuk mereka yang bazirkan air dan bukannya (menaikkan) tarif (harga caj) air.

"PBAPP mengenakan WCS kepada mereka yang menggunakan air secara berlebihan sehingga membazir..lagipun Kerajaan Negeri hanya melaksanakan cadangan yang dikemukakan oleh KeTTHA (iaitu mengurangkan penggunaan air domestik di Pulau Pinang)," katanya yang juga Penggerusi PBAPP Sdn. Bhd.



KERAJAAN BERSIH LAWAN PEMBAZIRAN



Lebih 75% pengguna domestik tidak terjejas dengan kenaikan surcaj WCS – PBA

GEORGE TOWN – Lebih 75 peratus daripada 504,400 pengguna domestik bagi seluruh negeri tidak akan terjejas dengan cadangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk menaikkan kadar Surcaj Pemuliharaan Air atau WCS.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, **WCS hanya akan dikenakan terhadap 25 peratus pengguna domestik yang dikhuatiri menggunakan lebih daripada 35,000 liter sebulan.**

"Terdapat tiga perbezaan utama yang perlu difahami oleh semua pihak, iaitu, sekiranya terdapat kenaikan kadar tarif air, semua pengguna domestik dan komersial akan terkesan, dan WCS ini hanya membabitkan pengguna domestik, itupun cuma 25 peratus, 75 peratus lagi langsung tidak terkesan.

"Keduanya, kenaikan tarif air akan membabitkan jumlah penggunaan air keseluruhannya, tetapi WCS dikenakan terhadap penggunaan melebihi 35,000 liter sebulan.

"Ketiganya, kenaikan tarif air tidak akan ada pengecualian, sebaliknya bagi WCS, PBAPP memberikan pengecualian kepada pengguna domestik

sekiranya mereka mengurangkan penggunaan air.

"Semua ini telahpun dipraktikkan sebelum ini dan saya tidak faham kenapa masih terdapat segelintir media massa yang melaporkan seolah-olah perkara ini (WCS) baru," jelasnya yang kesal dengan laporan media massa yang memberikan gambaran salah terhadap pengguna.

Menurut Jaseni, Kerajaan Negeri melalui PBAPP hanya menaikkan surcaj WCS iaitu daripada RM0.48 sen kepada RM1 bagi menggalakkan penggunaan air yang lebih bijak dan bukannya menaikkan tarif air.

Jelas beliau, sejak pengenalan WCS pada 2010, PBAPP telah menggariskan beberapa panduan untuk pengguna antaranya:

- Penggunaan kurang daripada 35,000 liter sebulan tidak akan dikenakan surcaj.
- Rumah-rumah kebajikan atau organisasi bukan laba (*non-profit organizations*), hospital, hostel, rumah anak-anak yatim, rumah orang tua, sekolah dan institusi pengajian tinggi awam tidak terjejas dengan WCS.
- 985 keluarga besar yang berdaftar dengan PBAPP juga diberikan Rebah WCS 60% iaitu mereka yang mempunyai lapan atau lebih penghuni dalam satu-kediaman layak menerima rebah 60 peratus ini.

Keluarga kurang berkemampuan yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM790 sebulan dan berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) juga layak menerima 30,000 liter pertama secara percuma.

PBAPP juga menyediakan RM1,500 tanpa faedah (*Kampung Loans*) bagi keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM1,000 dan memerlukan sambungan bekalan air ke rumah.

"Kesemua pengecualian dan keistimewaan ini boleh dipohon sekiranya layak melalui Pejabat Khidmat Pelanggan PBAPP atau melalui laman sesawang PBAPP," ujarnya.

Tambah Jaseni, PBAPP melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengurangkan pembaziran air seperti yang disarankan oleh Menteri di Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili dalam sepucuk surat rasmi bertarikh 18 September 2013 yang meminta Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengurangkan pembaziran air pada paras purata per kapita 250 liter per kapita sehari (l/k/h) bagi kawasan bandar dan 240 l/k/h bagi kawasan luar bandar.

Pelajar cemerlang STPM bangga terima insentif penghargaan

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

Gambar : LAW SUUN TING

DATUK KERAMAT - Siti Nur Azizah Jailani, 20, antara pelajar cemerlang Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) bagi tahun 2016, dan beliau menerima insentif penghargaan langsung daripada Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Penanti dekat Kawasan Parlimen Permatang Pauh itu mendapat keputusan cemerlang dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 4.0.

Seramai 47 calon STPM mendapat keputusan PNGK 4.0 seperti Siti Nur Azizah bagi tahun 2016.

Mereka, Melayu, Cina, India serta lain-lain kaum dan paling istimewa ada di antaranya adalah pelajar kategori orang kurang upaya (OKU).

Ketika ditemui, Siti Nur Azizah memberitahu, beliau tidak ada apa-apa resepi atau rahsia kejayaan, walaupun dikenali sebagai antara anak Melayu yang sukses dalam STPM di negeri ini.

"Resepi kejayaan saya banyak bergantung kepada usaha sendiri secara bersungguh-sungguh, mesti fokus pada sesi pembelajaran di dalam kelas.

"Apa yang cikgu cakap, kena dengar dan buat sahaja...ulangkaji pelajaran secara fleksibel, pandai membahagikan masa dan atur jadual belajar sesuai dengan matlamat belajar," ujarnya penuh ramah kepada pemberita dalam Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang STPM Tahun 2016 dekat Kompleks Masyarakat Penyayang di sini 17 April lepas.

Selain memburu kejayaan, katanya, keberkatan ilmu juga mesti diperoleh daripada Allah S.W.T., Rasul-Nya, ibu bapa dan guru-guru di sekolah.

"Lagi satu resepi kejayaan saya yang biasa sahaja adalah jangan tinggal solat fardu dan lazim solat sunat hajat memohon Allah beri kekuatan untuk fokus belajar dan cemerlang," jelasnya.

Tambah Siti Nur Azizah, beliau begitu meminati subjek Sejarah dan menyimpan cita-cita untuk menjadi 'Guru Sejarah'.

"InsyaAllah...saya ada memohon masuk ke Universiti Sains Malaysia (USM), dalam jurusan pendidikan.

"Minat saya dalam pendidikan dan saya nak jadi pendidik, saya paling minat subjek Sejarah," ujarnya.

Pertama kali beliau bertemu Guan Eng dan menerima sumbangan insentif pelajar cemerlang daripada Ketua Menteri berkenaan merupakan suatu kebanggaan buat keluarga dan diri sendiri.

Guan Eng ketika menyampaikan amanat ucapan sebelum itu menyatakan bahawa Kerajaan

Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang hari ini begitu menghargai bakat cemerlang di negeri ini.

Menurut beliau, **Kerajaan Negeri menaikkan insentif sumbangan kepada pelajar cemerlang pada tahun ini dengan harapan suatu hari nanti, selepas mereka mendapat segulung ijazah akan kembali berkhidmat untuk rakyat Pulau Pinang.**

"Pada tahun ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekali lagi amat berbesar hati memberikan tambahan sebanyak RM200 insentif kewangan berbanding tahun lepas sebanyak RM800, yang menjadikan jumlah yang akan diterima oleh setiap pelajar cemerlang sebanyak RM1,000 seorang berserta sijil.

"Di Pulau Pinang sahaja, semua bakat yang cemerlang dalam akademik dihargai tanpa mengira perbezaan kaum, agama dan sebagainya... inilah demokrasi pendidikan yang sebenar," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Dalam pada itu, Guan Eng juga memberitahu bahawa Kerajaan Negeri hari ini turut menyampaikan anugerah kepada lima pelajar terbaik daripada setiap kaum dan dua pelajar terbaik bagi Kategori Pelajar



SITI Nur Azizah Jailani (kiri sekali) bergambar kenangan bersama-sama para penerima lain pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang STPM Tahun 2016 di sini baru-baru ini.

Istimewa.

"Pelajar-pelajar ini juga akan turut menerima wang tunai sebanyak RM1,000 seorang berserta sijil dan trofi.

"Selain itu, tiga buah sekolah yang memperoleh keputusan keseluruhan terbaik juga akan turut diberikan anugerah dalam bentuk sijil dan trofi.

"Sebagai makluman, kriteria pemilihan ini dibuat berdasarkan gred purata sekolah yang telah diperoleh daripada Majlis Peperiksaan Malaysia," jelasnya.

Guan Eng pada majlis berkaitan turut merakamkan penghargaan kepada Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; ADUN Air Itam, Wong Hon Wai yang juga Setiausaha Politik kepada beliau; barisan Exco Kerajaan Negeri yang lain serta Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) kerana menjayakan majlis anugerah tahunan tersebut.

"Belajarlah untuk berkongsi baik kegagalan maupun kejayaan dengan orang lain.

"Apabila kita berkongsi dengan apa yang kita peroleh, kita akan dapat pada penghujung hari, lebih banyak akan kembali kepada kita," ucapnya sebagai penutup majlis anugerah berkenaan.

RM11 juta bina pam baharu kurangkan risiko banjir di Bukit Tengah

BUKIT TENGAH - Pembinaan rumah pam baharu berhampiran Parit 5 bernilai RM11 juta diharap akan mengurangkan lagi risiko banjir di sekitar Taman Mangga dan Jalan Juru di sini kelak.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, banjir yang seringkali berlaku di sini adalah kerana rumah pam sedia ada dengan kapasiti 1.6 meter padu per saat tidak berupaya lagi mengepam kapasiti aliran dari Parit 5 dan Sungai Juru Borrow Pit ke Sungai Juru.

"Sungai Juru merupakan sungai utama yang terletak di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Parit 5 adalah parit utama yang mengalir ke Sungai Juru.

"Penduduk di Taman Mangga, Taman Pinang, Taman Sentul, Taman Sentul Jaya dan Perkampungan Juru berhampiran Parit

5 kerap kali menghadapi banjir disebabkan oleh hujan lebat dan air pasang surut," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

ADUN Bukit Tengah, Ong Chin Wen serta wakil Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut serta lawatan tersebut.

Menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri melalui firma perunding jurutera yang dilantik telah melaksanakan kajian reka bentuk dan (kajian) lapangan meliputi kawasan seluas kira-kira 2.43 kilometer per segi.

"Kerja-kerja di lapangan dijangka bermula pada November tahun ini dan dijangka siap pada Oktober 2019.

"Skop cadangan projek yang akan dilaksanakan adalah menaik taraf saliran sedia ada sepanjang 400 meter (m); menaik taraf Parit 4 sedia ada sepanjang 2,550m,

pembinaan rumah pam baru dengan kapasiti 7.5 meter padu per saat serta kerja-kerja pengalihan utiliti.

"Kerajaan Negeri berharap projek ini apabila siap nanti dapat mengurangkan risiko banjir, malah kita juga berharap mendapat kerjasama penduduk supaya bersama-sama menjaga kebersihan dengan tidak membuat sampah ke dalam kolam berhampiran, yang akhirnya mengakibatkan aliran air ke rumah pam baharu boleh tersumbat," seru beliau.

Pada hari sama, Kon Yeow yang juga Penggerusi Parti Tindakan Demokratik (DAP) Negeri Pulau Pinang turut mengumumkan kerja-kerja pembinaan rumah pam di hilir Parit 4 ke Sungai Juru yang menelan belanja kira-kira RM19,128,721 akan dimulakan pada November tahun ini dan dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2019.

Rumah pam, projek penarafan cepat aliran keluar air mula November

BUKIT TENGAH - Kerja-kerja pembinaan rumah pam di hilir Parit 4 ke Sungai Juru serta beberapa projek penarafan lain yang menelan belanja RM19,128,721 akan dimulakan pada November ini dan dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2019.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, projek tersebut akan mempercepatkan aliran keluar air dari kawasan-kawasan tadahan utama ke laut, sekaligus mengurangkan risiko banjir di sekitar Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

"Kerajaan Negeri berharap dengan cadangan penyelesaian yang telah dan sedang direka bentuk oleh JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) Pulau Pinang, ia akan dapat mengurangkan risiko serta masalah kekerapan banjir kilat di sini," katanya kepada pemberita sebelum meninjau tapak cadangan pembinaan rumah pam tersebut di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, pam sedia ada dengan kapasiti 0.5 meter padu per saat adalah tidak berupaya lagi mengepam kapasiti aliran air dari Parit 4 dan Sungai Juru Borrow Pit ke Sungai Juru.

"Parit 4 mempunyai kawasan tadahan merangkumi kawasan Taman Desa Damai, Kebun Sireh, Kampung Permatang Batu, Bandar Perda, Taman Jambu, Taman Semarak, Taman Gemilang, Taman Sri Rambai, Taman Belimbing, Taman Limau Manis dan sebahagian kawasan Juru Autocity.

"Manakala, kawasan seperti Kampung Bukit Tengah, Taman Pelangi, Taman Tok Keramat, Juru Autocity dan kawasan Jalan Perusahaan adalah terletak dalam kawasan tadahan Sungai Juru Borrow Pit.

"Dengan pembinaan rumah pam baharu dengan kapasiti 12 meter padu persat selepas ini, serta kerja-kerja mitigasi yang lain, diharapkan dapat mengurangkan lagi risiko banjir kilat di sekitar kawasan ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Beliau dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada ADUN Bukit Tengah, Ong Chin Wen kerana begitu konsisten mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya menyegerakan projek tebatan banjir di kawasannya.

Sebelum itu, wakil kejuruteraan JPS daerah memberitahu, di bawah projek sama, turut dilaksanakan kerja-kerja penarafan sistem saliran sedia ada sepanjang 5.5 kilometer (km); penarafan Parit 4 sedia ada sepanjang 750 meter (m); menaik taraf parit lencongan sedia ada di dua lokasi; serta pengalihan utiliti dengan belanja kira-kira RM11 juta.

Tiada seinci hutan simpanan kekal ditebang di Pulau Pinang sejak 10 tahun lalu

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menegaskan bahawa tidak seinci hutan simpanan kekal di Pulau Pinang kurang sejak 10 tahun lalu.

Guan Eng berkata demikian bagi menyangkal dakwaan pihak Barisan Nasional (BN) kononnya di bawah pentadbiran Pakatan Harapan (PH), Kerajaan Negeri telah menaruh bukit dan menjadikannya 'botak'.

"Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri di Malaysia sejak 10 tahun lalu tidak menebang seincipun hutan simpanan kekal di sini berbanding Pahang yang telah menebang 161,379 hektar hutan simpanan kekal diikuti Kelantan (157,919 hektar) dan Perak (74,032 hektar).

"Malah, data daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia juga menunjukkan negeri terkecil di Malaysia iaitu Perlis pun turut menebang 167 hektar hutan simpanan kekal," katanya dalam suatu kenyataan akhbar pada 24 April 2017.

Menurut Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian,

Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam, pihak berkuasa tempatan (PBT) sebelum ini telah menjalankan penguatkuasaan dan tindakan terhadap peneroka haram di tanah swasta tanpa permit.

"Jika BN mengambil alih semula pentadbiran negeri, bukan sahaja bukit dan hutan menjadi 'botak', tetapi juga prestasi dan sumber kewangan juga mungkin akan menjadi 'botak' dan rakyat mungkin tidak dapat menikmati lebihan belanjawan seperti yang dicatatkan di bawah Pakatan Harapan (PH).

"Lagipun, prestasi Pakatan Harapan (PH) lebih baik dalam tempoh lapan tahun (2008-2015) berbanding BN selama 50 tahun di Pulau Pinang yang membolehkan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang membelanjakan lebihan belanjawan berjumlah RM412 juta dalam bentuk sumbangan wang tunai kepada 1.6 rakyat Pulau Pinang.

"(Dan) Kerajaan Negeri Pulau Pinang percaya bahawa rakyat akan memilih kerajaan yang mesra rakyat yang terbukti bersih dan cekap berbanding kerajaan kroni yang hanya berminat dalam penyalahgunaan

kuasa dan salah urus kewangan," ujarnya.

Berikut adalah jadual keluasan hutan simpanan kekal (HSK) yang dilesenkan

untuk pengubahan mengikut status tanah dari tahun 2006 hingga 2015 dan ukuran hektar: -

Keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Yang Dilesenkan Untuk Pengusahaan Mengikut Status Tanah, 2006-2015 (ha)

Negeri	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	Jumlah
Pahang	13694	8892	12594	11350	12646	16314	19373	19835	22214	24467	161379
Kelantan	19880	17385	21243	16969	17943	15232	11727	13163	12255	12122	157919
Perak	9500	7901	6220	6616	6927	8213	7010	8722	6898	6025	74032
Terengganu	5096	3920	3861	3089	6909	8112	9530	8502	8269	4453	61741
Johor	8090	6072	5725	1480	2889	1944	3570	1583	3606	3195	38154
Kedah	2222	2007	2435	2028	3646	4978	2451	4715	3602	4658	32742
Negeri Sembilan	1898	2473	1106	421	415	1458	820	609	1410	1130	11740
Selangor	2646	1905	893	23	376	-	39	-	-	-	5882
Melaka	57	-	45	20	-	-	-	-	133	-	255
Perlis	-	-	-	-	-	2	-	-	-	165	167
Pulau Pinang	-										
Jumlah	63083	50555	54122	41996	51751	56253	54520	57129	58387	56215	544011

***Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar Malaysia

Pulau Pinang tidak sentuh, teroka hutan simpanan kekal - KM

GEORGE TOWN -

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menzahirkan sokongan penuh terhadap perjuangan Orang Asli mempertahankan tanah tempat tinggal mereka di dalam hutan daripada aktiviti pencerobohan dan pembalakan, seperti di Kelantan.

"Sejak tahun 2006, Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang langsung tidak menyentuh dan meneroka Hutan Simpanan Kekal, selari dengan aspirasi untuk menjadikan negeri ini sebagai 'Negeri Hijau dan Sihat'.

"Apa yang berlaku di Kelantan semata-mata untuk membersihkan hutan, untuk tarah hutan, untuk mendapat hasil.

"Kita tidak seharusnya korbankan nasib Orang Asli tanpa memberikan sekurang-kurangnya sebab tempat tinggal mereka mesti diceroboh dengan aktiviti pembalakan," jelasnya pada Majlis Keraian Jamuan Tengah Hari 32 Aktivis Muda Orang Asli di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan memberitahu, **laporan rasmi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia mendedahkan bahawa penerokaan Hutan Simpanan Kekal terbesar sejak tahun 2006 adalah di Pahang dengan keluasan 161,379 hektar (ha.), diikuti Kelantan dengan keluasan**

157,919 ha..

Justeru, beliau juga merayu kepada Kerajaan Kelantan supaya tidak lagi mengabaikan perjuangan Orang Asli mempertahankan hak tanah mereka di Gua Musang, semata-mata demi mendapat hasil pembalakan daripada peneroka swasta.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang baru-baru ini berdiri bersama-sama 27 keluarga asal Kampung Permatang Tok Subuh dekat Machang Bubok, yang berdepan dengan risiko pengusiran daripada tuan tanah serta pemaju swasta.

Implisitnya, menurut beliau, tuan tanah swasta bersetuju untuk memberikan pampasan setimpal kepada penduduk asal kampung tersebut untuk membina kediaman baharu di atas sebidang tanah lain pemberian Kerajaan Negeri.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dalam ucapannya sebelum itu memberitahu bahawa program lawatan sambil belajar anak muda Orang Asli dari Kelantan, Pahang, Perak dan Sarawak ke negeri ini adalah sejak 19 Mac lalu.

"Selain berkongsi pengalaman dan perjuangan Orang Asli dengan penduduk Kampung Tok Subuh, anak

muda yang terlibat dalam program ini turut dibawa melawat jabatan-jabatan Kerajaan Negeri serta didedahkan mengenai tadbir urus 'bersih' di negeri ini," jelasnya yang juga Pengarah Penang Institute (PI).

Chee Keong dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada aktivis muda daripada Penggerak Komuniti Muda (PEKA) yang diketuai oleh Saudara Adam Adli Abdul Hamid, kerana begitu banyak membantu perjalanan lawatan sambil belajar 32 anak muda Orang Asli terbabit.

Dalam pada itu, wakil Orang Asli, Sabariah Juru, 28, ketika berucap turut merakamkan penghargaan atas solidariti sokongan pentadbiran Guan Eng terhadap perjuangan hak tanah Orang Asli, termasuk di Kelantan.

"Kami telah belajar bagaimana Kerajaan (Negeri) Pulau Pinang ini memberi peluang kepada rakyatnya untuk 'memerintah', maksud saya bagaimana rakyat diberi peluang untuk membuat keputusan dalam pemerintahan sebuah Kerajaan," ujarnya yang juga anggota Impian Malaysia, iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang gigih menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air bersih di kawasan luar bandar, termasuk membatikan komuniti Orang Asli.

Hentikan pembalakan Hutan Simpan Ulu Muda

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng meminta supaya Kerajaan Persekutuan campur tangan bagi menghentikan aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Ulu Muda, Kedah.

Beliau berkata demikian berikutan Hutan Simpan Ulu Muda merupakan kawasan tадahan air yang paling penting bagi negeri-negeri di Utara Semenanjung Malaysia seperti Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

"Pendirian negeri Pulau Pinang sejak dahulu lagi adalah jelas dan konsisten iaitu menyarankan supaya Kerajaan Negeri Kedah mewartakan Ulu Muda sebagai kawasan tадahan air dan mengharamkan sebarang aktiviti pembalakan yang boleh membawa 'kerosakan'.

"(Dan) saya cukup kecewa apabila Kedah terus mengeluarkan lesen pembalakan di kawasan yang dinamakan 'rizab hutan' itu sekaligus mempertaruhkan bekalan air mentah bukan sahaja untuk Kedah, malah Perlis dan Pulau Pinang juga," katanya pada sidang media sejurus merasmikan sambutan Hari Air Sedunia dekat sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri Kedah perlu mendapatkan pampasan daripada Kerajaan Persekutuan sebagai ganti 'premium hutan' yang diterima daripada syarikat pembalakan.

Difahamkan, Pengurus Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Othman Aziz pernah mengeluarkan kenyataan

seperti yang disiarkan dalam akhbar pada 20 April lalu, menyatakan bahawa pembalakan di Hutan Simpan Ulu Muda telah mencapai peringkat kritis dan paras kapasiti air hanyalah 50 peratus.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa memberitahu, kebergantungan tinggi negeri Pulau Pinang terhadap sumber air dari Hutan Simpan Ulu Muda merupakan salah satu faktor utama Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendesak supaya kawasan tersebut diwartakan.

"Berdasarkan trend semasa penggunaan air, PBAPP menjangkakan Sungai Muda hanya mampu menampung keperluan Pulau Pinang sehingga tahun 2020 sekiranya langkah segera tidak diambil."

"Tambahan pula, 80 peratus sumber air mentah Pulau Pinang diambil daripada sungai ini setiap hari."

"Sungguhpun tahun ini tiada musim kemarau, paras Empangan Muda menurun daripada 60.3 peratus pada 1 Januari 2017 kepada 34.5 peratus pada 17 April lalu."

"Maka, sekiranya isu ini tidak ditangani segera, kelak akan terjadi krisis bekalan air yang teruk," jelasnya yang menyokong saranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Kedah supaya menghentikan aktiviti pembalakan di kawasan Hutan Simpan Ulu Muda segera.

Pulau Pinang hasrat jadikan tapak arkeologi Guar Kepah warisan dunia UNESCO

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : TAM POH GUEK

PENAGA - Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat memohon Jabatan Warisan Negara dan Kementerian Pelancongan mengklasifikasi tapak arkeologi Guar Kepah sebagai satu lagi tapak warisan di bawah UNESCO, selepas kerja-kerja penggalian dan kajian siap sepenuhnya di sini kelak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian selepas menyaksikan sendiri jumpaan terbaru rangka wanita purba berusia kira-kira 6,000 tahun di sini.

"Di Perak ada *Perak Man*, kita di Pulau Pinang ada *Penang Woman*...kita (Kerajaan Negeri) ada harapan tinggi akan dapat kesan lagi kerangka manusia sejarah."

"Kita ada tapak warisan UNESCO di George Town, maka saya rasa di sini pun layak untuk dijadikan tapak warisan UNESCO, di bawah kategori tapak arkeologi dunia," jelasnya ketika membuat lawatan tapak di sini pada 25 April lalu.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan juga berharap sebuah pusat galeri diwujudkan



RAKAMAN gambar jarak dekat rangka manusia yang ditemui.

di sini.

"Kerajaan Negeri meluluskan RM20,000 tapi itu tidak termasuk kos tapak galeri, supaya kerja-kerja (penyelidikan arkeologi) disiapkan dengan baik."


"Kita (Kerajaan Negeri) harap dapat menemui lebih banyak rangka manusia, bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri melalui CMI (Unit Perbadanan Ketua Menteri) akan saling bekerjasama dengan ThinkCity, mahupun Jabatan Warisan Negara untuk mewujudkan sebuah galeri yang akan kita bina nanti," jelasnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, lawatan ringkas bersama-sama Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy ke tapak arkeologi di sini adalah kerana pada hari berkaitan (25 April 2017) merupakan hari terakhir sebelum semua rangka manusia purba dan bahan-bahan fosil lain dipindahkan ke Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia (USM).

Bercakap pada sidang media sama, Pengarah PPAG, USM, Prof. Datuk Dr. Mokthar Saidin menjelaskan bahawa berdasarkan gigi, rangka yang dijumpai mungkin milik seorang wanita, namun pengesahan perlu dilakukan terlebih dahulu.

Menurut beliau, pasukannya sendiri dalam tempoh kira-kira dua minggu berbaki tersebut turut berharap akan menemui satu atau dua lagi rangka purba, sebelum kerja-kerja penyelidikan arkeologi di sini dihentikan kelak.

Jumpaan bahan peninggalan bersejarah seperti tembikar dan cangkerang dan lebih 30 rangka manusia pada 17 April lepas di sini dipercayai dari Zaman Neolitik kira-kira lebih 5,000 tahun lalu.



PROF. DATUK DR. MOKTHAR SAIDIN membuat pemeriksaan terhadap fosil rangka manusia yang ditemui di tapak arkeologi Guar Kepah di sini.

Bekas wartawan *The Star* terharu terima kunjungan KM

GEORGE TOWN - Bekas wartawan *The Star*, A.R. Amiruddin, 77, yang disahkan mengidap kanser kolon tahap dua menerima

kunjungan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Wad C10, Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini baru-baru ini.



KETUA MENTERI sambil ditemani Saifuddin Nasution Ismail (kiri sekali) beramah-mesra dengan A.R. Amiruddin pada lawatan khas pemimpin negeri berkaitan di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang tiba sekitar jam 12 tengah hari meluangkan masa kira-kira 30 minit bertanyakan khabar dan beramah-mesra dengan Amiruddin.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam turut menyampaikan sumbangan peribadi kepada Amiruddin yang telah berkhidmat sebagai wartawan selama 29 tahun.

Turut mengiringi, Penasihat Strategik kepada Ketua Menteri, Datuk Saifuddin Nasution Ismail; Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. M. Sukumar dan Pengarah HPP, Datuk Dr. Norsidah Ismail.

Amiruddin yang ditemui berkata, beliau sangat terharu dan menyifatkan kunjungan Ketua Menteri sebagai satu penghormatan.

"Saya tidak pernah menyangka seseorang yang sangat dihormati datang untuk melawat saya yang

yang mentadbir, yang pasti perlu adil.

"Sesuatu yang cukup menyakit hati apabila mereka (pimpinan pentadbiran) menekan dan menindas rakyat dalam apa juar bentuk."

"Rakyat tahu membezakan sejauh mana kemajuan yang telah dicapai oleh sesuatu pentadbiran dan rakyat tahu sejauh mana kemajuan telah dicapai di bawah pentadbiran kini."

"Kerajaan manakah yang benar-benar melaksanakan kerja, parti mana yang bekerja...rakyat tahu menilai."

"(Dan) saya bukanlah jenis yang bermuka-muka apabila di hadapan pemimpin BN saya berkata begini, di hadapan pemimpin negeri kini saya berkata lain...tidak."

"Itulah sahaja yang boleh saya katakan apabila melihat situasi pentadbiran dahulu dan kini," jelasnya.

Amiruddin yang kini masih bermastautin di Sungai Dua, Pulau Pinang telah bersara dari dunia kewartawanan ketika usia 60 tahun.

Walau bagaimanapun, dek kerana minatnya, beliau sesekali tetap mengirimkan nukilannya untuk diterbitkan.

Pernah mencipta nama dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai lelaki Malaysia paling tua pernah menjelaskan kaki di puncak Gunung Kinabalu, iaitu gunung tertinggi di Asia Tenggara, Amiruddin kini dijaga oleh anak bongsunya, Romi Erawan A.R. Amiruddin, 27.


Anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Dengan Kerjasama Gereja-Gereja & Masyarakat Sabah & Sarawak

Pesta Gawai & Kaamatan 2017

"Keunikan Pencetus Keharmonian"

Tarikh: 13 Mei 2017 (Sabtu)
Masa: 6.00 ptg-10.30 mln
Tempat: Fort Cornwallis, Pulau Pinang

Acara: Tarian Etnik & Ratu Cantik (Kumang/Keling/unduk Ngadau)

SEMUA DIJEMPUT HADIR

Jamuan ringan makanan Sabah & Sarawak akan dihidangkan



Hubungi: 04-653-3489 (fone)

PESTA GAWAI & KAAMATAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

[Find us on Facebook](#)

Pelepasan 2 juta anak ikan mampu tingkat rangsangan ekonomi nelayan

Gambar : SHUM JIAN-WEI

BAYAN LEPAS - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap hasil tangkapan para nelayan sekitar kawasan Pantai Tanjung Asam dapat ditingkatkan dan seterusnya akan memberi rangsangan baru kepada pendapatan serta pembangunan sosio-ekonomi masyarakat nelayan di kawasan sekitar.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Melepaskan 2 Juta Benih Anak Ikan Di Pantai Tanjung Asam, Bayan Lepas di sini baru-baru ini.

"Pelaksanaan program seumpama ini sekaligus membuktikan Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memperbaiki taraf hidup semua lapisan masyarakat sama ada peniaga kecil-kecilan, petani maupun nelayan.

"Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) adalah kerajaan yang berjiwa rakyat... semua rakyat tanpa mengira bangsa maupun

agama, kaya atau miskin berhak dan mesti mendapat layanan seadilnya.

"Kerajaan Negeri bangga untuk menyatakan bahawa usaha kita membantu para nelayan melalui pemberian bantuan pukat dua kali setahun terus dilaksanakan meskipun sering dikritik oleh pihak yang tidak bertanggungjawab," ujarnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Hal Ehwel Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwel Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Mohamad Sabu; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz dan Pengarah Urusan Global Agro Life Sdn. Bhd., Lim Sui Yaw.

Guan Eng dalam pada itu turut mengucapkan terima kasih kepada Sui Yaw yang merupakan anak watan Sungai Pinang, Balik Pulau yang sudi menyumbangkan 2 juta

ekor anak ikan sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi menjayakan program berkaitan.

Pada majlis berkaitan, kira-kira 500,000 benih udang dan kira-kira 30,000 hingga 40,000 benih anak ikan siap serta ikan merah dilepaskan. Saiz anak ikan yang dilepaskan adalah antara dua hingga tiga inci.

"Baki proses pelepasan seterusnya akan dilakukan selepas tempoh empat hingga lima bulan dan akan diuruskan oleh syarikat berkaitan setelah mendapat maklumat dan nasihat daripada Jabatan Perikanan Negeri.

"Kemungkinan proses pelepasan kedua akan dilakukan di pantai yang berlainan agar kawasan pembiakan ikan dapat diperbesarkan



KETUA MENTERI, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri serta wakil-wakil jabatan berkaitan menyempurnakan gimik pelancaran Program Melepaskan 2 Juta Benih Anak Ikan Di Pantai Tanjung Asam, Bayan Lepas di sini baru-baru ini.

lagi," jelasnya.

Difahamkan benih-benih udang tersebut akan mengambil masa selama tiga bulan, manakala benih-benih ikan (lima hingga enam bulan) sebelum tempoh matang dan boleh ditangkap.

Exco jemput penternak bincang, tangani isu kacau ganggu lalat

BUKIT TAMBUN - Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin sekali lagi turun meninjau sendiri keadaan kacau ganggu lalat di sekitar kawasan Sekolah Antarabangsa GEMS (GEMS) dan sebuah pasar raya di sini baru-baru ini.

Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya memberitahu, pihaknya mengalu-alukan pemilik ladang-ladang ayam terbabit supaya segera ke pejabatnya, untuk berbincang dan mencari solusi terbaik.

"Kalau nak salahkan penternak, mereka lebih lama di sini, kerana pembangunan baharu di sini rata-rata diluluskan sebelum tahun 2008.

"Setakat ini, difahamkan, pemilik-pemilik ladang ada datang berjumpa dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), namun dengan pejabat saya belum lagi.

"Saya harap ianya dapat dilakukan supaya isu lalat ini dapat diatasi," jelasnya selepas meninjau kawasan berwajib baru-baru ini.

Bercakap pada sidang media sama, Pegawai Jabatan Veterinar MPSP, Dr. Fadilah Abdul Rahim memberitahu, terdapat kira-kira lima ladang ternakan ayam di kawasan berhampiran dan empat daripadanya masih aktif.

"Ladang terdekat pula hanya 200 meter dari sini (pasar raya)," respons beliau.

Pada 5 September tahun lepas, Afif bersama-sama Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Maktar Shapee yang juga ADUN Sungai Bakap turun meninjau kawasan berkaitan selepas mendapat aduan langsung daripada



DR. AFIF BAHARDIN (TENGAH) DITEMANI DR. FADILAH ABUD RAHIM (KIRI) MENJUNJUKKAN LOKASI LADANG-LADANG AYAM PADA SIDANG MEDIA SEMPENA LAWATANNYA MENINJAU PERMASALAHAN LALAT DI GEMS DI SINI BARU-BARU INI.

pentadbiran sekolah GEMS.

Ketika itu, Afif menyatakan bahawa, isu kacau ganggu lalat boleh diselesaikan apabila peladangan moden secara tertutup dilaksanakan.

Menurut beliau, rang undang-undang baharu berhubung Enakmen Perniagaan Babi 2016 dibentangkan dalam DUN Pulau Pinang pada November 2016 dan akan dikuatkuasakan bermula tahun 2019.

Menurut enakmen tersebut, empat kriteria *Modern Pig Farming* yang telah digariskan, iaitu, sistem penternakan babi secara tertutup; mempunyai kawasan penampungan; *zero discharge* dan *Good Animal Husbandry Practices* (GAHP).

"Kerajaan Negeri akan berbincang dengan semua pihak berkepentingan untuk melaksanakan penternakan ayam secara moden dan tertutup, walaupun ketika ini belum ada lagi enakmen baharu yang khusus untuk peladangan unggas di negeri ini," jelas Afif.

TUTM tunai hasrat Fauzan kembang tani tanam cili

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

KIRA-kira tiga tahun lalu, FAUZAN JASMI, 28, hanya menanam cili secara kecil-kecilan di sekitar rumahnya di Sungai Aceh, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan (SPS).

Selain menghasilkan tanaman sendiri yang selamat untuk dimakan, pengeluaran cili yang diusahaannya turut mendapat permintaan tinggi di sekitar kawasan Sungai Aceh.

Pemuda berjiwa kental yang lebih disenangi dengan nama panggilan Fauzan tersebut memberitahu, penghasilan cili dari ladangnya bukan sahaja dipasarkan di kedai-kedai runcit sekitar Sungai Aceh, malah turut mendapat permintaan dari kantin-kantin sekolah di sana.

"Permintaan terhadap cili sentiasa ada, bukan sahaja dalam kalangan masyarakat setempat, kedai runcit dan kantin sekolah, tetapi ia akan bertambah ketika musim kenduri untuk kegunaan pihak katering.

"Justeru, pinjaman TUTM (Pinjaman Tabung Usahawan Tani Muda) ini diharap dapat menunaikan hasrat saya untuk mengembangkan lagi penanaman pokok cili sedia ada," ujarnya kepada Buletin Mutiara sejurus selepas Majlis Penyampaian Cek Pinjaman TUTM kepada tujuh usahawan tani terpilih di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Hadir sama, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Timbalan

Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (JPNPP), Shahbani Ismail.

Pada majlis sama, Afif berkata, Kerajaan Negeri kini sedang mempertimbangkan penambahan jumlah bantuan TUTM sejahtera dengan usaha untuk meningkatkan pembabitan golongan muda dalam industri asas tani.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah memperuntukkan RM250,000 setahun bagi tabung (TUTM) ini sebagai galakan kepada para pengusaha, terutamanya golongan muda yang berusia 40 tahun dan ke bawah.

"Malah, kini Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk meningkatkan jumlah bantuan sedia ada iaitu pinjaman maksimum RM5,000 kepada RM10,000, RM15,000 dan RM20,000 bagi membantu mengembangkan perusahaan pertanian, penternakan dan perikanan di negeri ini," jelas beliau.

Sejak TUTM dilancarkan pada 13 Jun 2014, sejumlah 66 usahawan tani telah menerima manfaat daripada program tersebut, membabitkan dana peruntukan berjumlah RM330,000.



FAUZAN Jasmi (kiri sekali) dan para penerima lain memegang replika cek TUTM sambil bergambar kenangan pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.

Kepelbagaian jadikan Pulau Pinang istimewa

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

PADANG KOTA - Festival Vasakhi Peringkat Negeri Pulau Pinang di Fort Cornwallis baru-baru ini menerima kehadiran hampir 3,000 hadirin.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, Pulau Pinang dilihat begitu istimewa kerana rakyatnya yang majmuk meraikan kepelbagaian dengan semangat kesederhanaan dan muhibah.

"Sebab itulah George Town diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO kerana nilai penduduk di sini bukan setakat damai serta harmoni, malah kita saling bertoleransi dan begitu menghormati nilai perbezaan antara kita.

"Nilai kepelbagaian ini menjadikan sumbu kejayaan Pulau Pinang," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada komuniti Sikh di negeri ini berhubung penganjuran berkaitan.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan

Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal serta barisan pemimpin komuniti Sikh turut serta keraian tersebut.

Menurut Guan Eng, mendiang Karpal Singh adalah bagai 'tiang seri Malaysia' dalam menyuburkan semangat demokrasi berperlembagaan di tanah air ini dan sumbangan bekas Ahli Parlimen Bukit Gelugor itu wajar menjadi kebanggaan komuniti Sikh di tanah air ini.

Selain itu, beliau turut menyeru barisan pemimpin semua agama di Pulau Pinang supaya membantu Kerajaan Negeri menyemarak kesederhanaan tulen serta menghakis sentimen perkauman dan fahaman melampau dalam kalangan rakyat yang majmuk.

Nyanyian lagu, pelbagai tarian kebudayaan serta juadah makanan tradisi masyarakat Sikh antara yang menarik sebagai menghargai semua pengunjung ke sini.



JAGDEEP Singh Deo (kanan sebelah), R.S.N. Rayer (dua dari kiri) dan Ramkarpal Singh (tiga dari kiri) bergambar kenangan pada penganjuran Festival Vasakhi Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

PPSN, harap rapat jurang sosio-ekonomi utara dan selatan Pulau Pinang

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

BAYAN LEPAS - Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) bukan sahaja berperanan sebagai pusat sehenti atau 'one-stop centre' melibatkan penduduk tempatan secara langsung, malah turut berperanan sebagai pusat informasi bagi Projek Tebus Guna Penang South Reclamation (PSR).

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, PPSN adalah inisiatif Kerajaan Negeri bagi memberi penerangan lebih lanjut berhubung pelaksanaan projek berkaitan dan pada masa sama bertujuan membantu penduduk tempatan menaikkan taraf hidup masing-masing.

"PPSN adalah pusat penglibatan penduduk tempatan selain membantu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan memakmurkan keusahawanan untuk meningkatkan pendapatan mereka di sini.

"(Dan) diharapkan inisiatif murni Kerajaan Negeri ini akan merapatkan jurang sosio-ekonomi antara bahagian utara dan

selatan Pulau Pinang termasuk mencapai pertumbuhan inklusif demi generasi akan datang," ucapnya dengan membacakan teks ucapan Ketua Menteri pada Majlis Perasmian PPSN di Gertak Sanggul di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan perasmian PPSN Gertak Sanggul, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Turut sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Pegawai Daerah, Daerah Barat Daya, Ederis Mat Din serta wakil daripada rakan pelaksana projek, SRS Consortium Sdn. Bhd..

Difahamkan PPSN Gertak Sanggul merupakan PPSN kedua yang dibangunkan selepas PPSN Permatang Damar Laut dekat Batu Maung yang siap pada Mei 2016.

Menurut Kon Yeow, Projek Tebus Guna PSR merupakan satu pelan pembangunan



CHOW Kon Yeow (paling depan) ditemani Mohd. Rashid Hasnon (barisan kedua, dua dari kiri), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil SRS Consortium Sdn. Bhd. menandatangani plak perasmian PPSN Gertak Sanggul pada majlis perasmianya di sini baru-baru ini. (Gambar ihsan: SRS Consortium Sdn. Bhd.).

transformatif strategik oleh Kerajaan Negeri dalam membangunkan sebuah 'Bandar Pintar' di selatan Pulau Pinang.

"Ia (PSR) akan menjadi hab baharu bagi perindustrian, perniagaan dan kediaman di samping mengekalkan keindahan serta keunikan alam sekitar di kawasan terlibat.

"Pembangunan PSR ini juga akan mentransformasikan Pulau Pinang sebagai negeri moden, pintar, berpendapatan tinggi dengan kualiti hidup yang lebih baik," jelasnya yang yakin dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk menyediakan masa hadapan yang lebih baik untuk penduduknya.

Sebagai rekod, sejak dibuka kepada umum, PPSN Permatang Damar Laut telah menerima 506 permohonan pekerjaan, 542 maklum balas daripada penduduk tempatan khususnya nelayan dan telah dikunjungi oleh 2,200 pengunjung.



• Perlukan Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA
CAGARAN &
PENJAMIN

**PINJAMAN MIKRO KREDIT
PROJEK TITIAN SAKSAMA
RAKYAT (PTSR)
NEGERI PULAU PINANG**

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

HUBUNG: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang

Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN



Kerajaan Negeri teruskan usaha bantu usahawan Bumiputera

Gambar : **G. REVATIC**

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri hari ini akan terus berusaha membantu usahawan Melayu dan Bumiputera, sungguhpun kuasa membeli rakyat kian lemah, manakala kos sara hidup kian meningkat.

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berharap inisiatif pengajuran Karnival Pekan Usahawan Rakyat selama tiga hari di Komtar baru-baru ini dapat membantu 36 usahawan termasuk 10 ibu tunggal menjana lebih keuntungan.

"Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sentiasa mencari ruang menyediakan platform untuk usahawan tempatan mengembangkan lagi perniagaan mereka.

"(Dan,) pengajuran karnival hari ini juga merupakan salah satu bentuk inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu usahawan Bumiputera dan belia memastabatkan perniagaan masing-masing ke peringkat global," katanya yang juga

Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat dalam majlis perasmian pembukaan karnival tersebut pada 28 April lalu.

Menurut Mohd. Rashid, kuasa membeli rakyat kian lemah antara lain disebabkan oleh peningkatan kos sara hidup rakyat serta penyusutan nilai Ringgit Malaysia (RM).

Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak turut merakamkan penghargaan kepada beberapa jabatan kerajaan serta badan-badan berkanun yang terlibat serta mengerah pengunjung ke karnival berkaitan.

"Paling dirasai apabila nilai ringgit lemah, usahawan terpaksa membeli barang import untuk bermula," responsnya.

Turut serta, Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa; Yang di-Pertua Persatuan Perdagangan dan Pengusaha Melayu Malaysia Pulau Pinang (PERDASAMA), Malik Faisal Abdul



MOHD. Rashid Hasnon (enam dari kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada beberapa peserta Pekan Usahawan Rakyat pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Rahim dan Pegawai Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Ir. Ang Choo Hong.

Karnival itu adalah anjuran bersama Pejabat Timbalan Ketua Menteri I dan PERDASAMA.

Pengairan bergilir-gilir babitkan petani perlu secara muafakat - Exco

SUNGAI DUA

Tahap pengairan untuk tujuan pertanian sekarang di Pulau Pinang adalah lebih baik berbanding ketika negeri ini dilanda musim kemarau panjang Super El Nino pada tahun lepas.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin bagaimanapun berkata, semua pesawah perlu melaksanakan sistem penggiliran secara muafakat bersama, sungguhpun bekalan air pengairan mencukupi.

"Saya difahamkan pengairan tahun ini baik berikutan sumber air yang mencukupi dari tiada isu kemarau.

"Berkenaan penggiliran saliran, saya rasa ianya mampu diselesaikan secara muafakat dalam kalangan petani di sini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada Majlis Kesukuran Sempena Program Penjadualan Semula Air Untuk Tanaman Padi Bagi Negeri Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Afif bersama-sama para pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta kakitangan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) turun padang bagi meninjau keadaan pintu-pintu air serta saliran-saliran utama untuk sektor pengairan padi di Alor Merah dekat



DR. Afif Bahardin (empat dari kanan) bersama-sama wakil-wakil jabatan berkaitan dan para pesawah ketika meninjau petak sawah Alor Merah, Sungai Dua di sini baru-baru ini.

Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Dua.

Dalam sesi interaksi dua hala, beberapa pesawah membantikkan isu bekalan air ke petak sawah mereka adalah tidak mencukupi, dipercayai berpunca oleh sistem pengairan yang tersumbat.

Dalam reaksi spontan, Afif meminta pesawah-pesawah berkenaan supaya saling bekerjasama dengan wakil JPS dan IADA untuk mengenal pasti punca sebenar masalah berbangkit itu, dan diselesaikan secara muafakat bersama.

Pada pertengahan Disember tahun lepas, Afif mengumumkan pelaksanaan kajian lapangan JPS Peringkat Persekutuan dan Negeri selama dua tahun sehingga 2018 pada keadaan tahap bekalan air sungai mentah tertentu di Pulau Pinang adalah berdasarkan pengalaman mengharungi musim kemarau panjang El Nino pada tahun 2014 dan 2016.

PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1 dalam setiap 20 wanita di Malaysia mempunyai risiko untuk mendapat kanser payudara dalam hayat kehidupan mereka ini bersamaan dengan 700,000 orang!

"Untuk wanita berumur 35 ke atas"
*Sila berdaftar di Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras KADUN berdekatan anda

MAMMO PENANG
'Sayangi Wanita Pulau Pinang'

Jadual Mammo Penang 2017

	Sabtu	Bahagian Pulau	Seberang Perai	Ahad	Bahagian Pulau	Seberang Perai
Mei	29	Teluk Bahang	Penaga	30	Sungai Pinang	Sungai Puyu
	6	Tanjong Bungah	Seberang Jaya	7	Pantai Jerjak	Penanti
	13	Padang Kota	Bukit Tambun	14	Batu Maung	Perai
	20	Air Putih	Bagan Jermal	21	Seri Delima	Sungai Bakap
Jun	27	Pengkalan Kota	Padang Lalang	28	Pulau Betong	Berapit
	3	Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Yang di-Pertuan Agong		4	Dato Keramat	Bertam
	10	Pulau Tikus	Jawi	11	Batu Lanchang	Pmtg Pasir
	17	Kebun Bunga	Bukit Tengah	18	Bayan Lepas	Pinang Tunggal
Julai	24			25	Hari Raya Puasa	
	1	Batu Uban	Machang Bubok	2	Komtar	Pmtg Berangan
	8	Sambutan Ulang Tahun Kelahiran TYT		9	Air Itam	Teluk Air Tawar
	15	Paya Terubong	Sungai Aceh	16	Bagan Dalam	Sungai Dua
Aug	22	Sungai Pinang	Sungai Puyu	23	Teluk Bahang	Penaga
	29	Pantai Jerjak	Penanti	30	Tanjong Bungah	Seberang Jaya
	5	Batu Maung	Perai	6	Padang Kota	Bukit Tambun
	12	Seri Delima	Sungai Bakap	13	Air Putih	Bagan Jermal
Sep	19	Pulau Betong	Berapit	20	Pengkalan Kota	Padang Lalang
	26	Dato Keramat	Bertam	27	Pulau Tikus	Jawi
	2	Hari Raya Haji		3	Paya Terubong	Sungai Aceh
	9	Batu Lanchang	Pmtg Pasir	10	Kebun Bunga	Bukit Tengah
	16	Malaysia Day		17		
	23	Bayan Lepas	Machang Bubok	24	Batu Uban	Pinang Tunggal

(Dari muka 2)

5. Untuk tahun 2015, Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.5 peratus berbanding dengan pertumbuhan GDP negara sebanyak 5 peratus. Cabarannya ialah untuk memastikan hasil kemakmuran ini dapat dikecapi oleh semua. Menerusi konsep negeri berkebajikan, kerajaan negeri telah membuat pelaburan dalam penaiktarafan infrastruktur asas seperti jalan, bekalan air dan longkang serta membina kemudahan awam seperti perumahan awam, taman lapang hijau, kompleks sukan dan dewan orang ramai. Tumpuan diberikan kepada kawasan Seberang Perai, di mana hampir 70 peratus daripada peruntukan pembangunan negeri dibelanjakan demi mencapai pembangunan seimbang dan mapan di antara kawasan pulau dan Seberang.

6. Satu aspek negeri kebajikan ialah Agenda Ekonomi Saksama(AES) dan Program i-Sejahtera di mana bantuan kewangan secara wang tunai sebanyak RM 412.63 juta diberikan kepada 1.6 juta rakyat Pulau Pinang sejak tahun 2008. Ia merangkumi Warga Emas, bayi, OKU, Ibu Tunggal, Ibu yang tidak bekerja, pelajar, pemandu teksi, operator bas sekolah berdaftar, penarik beca, skim mikrokredit kepada peniaga kecil dan warga tani, bantuan pukat kepada nelayan dan RM 1,000 kepada mahasiswa-mahasiswa tempatan. AES merupakan pelaksanaan *universal basic income* (pendapatan asas sejagat) pertama di Malaysia di mana Kerajaan Negeri menghapuskan miskin tegar dengan menjamin setiap keluarga menerima RM 790 sebulan. Bagi keluarga yang menerima pendapatan yang kurang daripada RM790 sebulan, Kerajaan Negeri akan tambah sampai cukup RM790 setiap bulan. Lebih RM 23.2 juta telah dibelanjakan untuk program AES ini sejak ia dimulai pada 2009.

7. Kerajaan Negeri juga prihatin dengan bebanan kewangan yang ditanggung oleh rakyat yang berpendapatan rendah dalam keadaan ekonomi yang merosot dan inflasi tinggi yang naik 5.1 peratus pada bulan Mac, lebih-lebih lagi dengan Cukai GST. Kerajaan Negeri memberikan potongan cukai pintu sebanyak 6 peratus dan pengecualian cukai pintu penuh bagi rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah

dan rumah kampung/bertanah pada tahun 2017. Dengan menambah penyerapan bayaran GST oleh kerajaan tempatan, ini bermakna kedua-dua Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai akan menanggung RM55 juta untuk menfaat rakyat.

8. Semua ini tidak mungkin tercapai tanpa pentadbiran Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) dan kepimpinan bersih yang diterap ke dalam tata kelola kerajaan negeri. Urus tadbir CAT membawa kejayaan apabila Pulau Pinang berjaya mencatat lebihan bajet sebanyak RM 573 juta bagi tempoh lapan tahun dari 2008 hingga 2015. Ini berbanding dengan lebihan bajet terkumpul bagi tempoh 1957-2007 sebanyak RM373 juta untuk 50 tahun. Nilai aset Pulau Pinang pula meningkat hampir sekali ganda dalam tempoh lapan tahun, iaitu dari RM850 juta kepada RM1.6 bilion. manakala hutang kerajaan negeri Pulau Pinang telah menurun 90 peratus sejak tahun 2008 dan berada pada tahap paling rendah dalam negara sebanyak RM66.33 juta pada akhir 2016.

9. Kerajaan negeri akan teruskan usaha membina infrastruktur asas dan modal insan demi menjaminkan pembangunan ekonomi yang mapan. Sektor pembuatan berada di ambang Revolusi Industri 4.0 yang membabitkan *Big Data Analytics, cloud computing, e-commerce, crowd sourcing* dan *Internet of Things*. Demi menyertai Industri 4.0, adalah perlu kita membangunkan modal insan yang mencukupi. Tumpuan akan diberikan dalam Pendidikan STEM demi memastikan Pulau Pinang menjadikan pusat kecemerlangan sains dan teknologi.

10. Dalam usaha mentransformasikan Pulau Pinang kepada negeri usahawan dan kebajikan, pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar tidak dilupakan. Pulau Pinang boleh rasa megah kerana merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang tidak menaruh atau menyentuh seinci persegi pun hutan simpan kekalnya sejak 2006. Itulah salah satu sebab utama mengapa Pulau Pinang berjaya memastikan bekalan air yang mencukupi. Kejayaan menjadi satunya negeri yang tidak pernah jalankan catuan air ialah

kerana kawasan tadahan air diwartakan dan hutan simpan kekal dijaga sehingga empangan air di Pulau Pinang adalah penuh.

11. Pembangunan Islam di Pulau Pinang yang mendokong kedudukannya sebagai agama Persekutuan tidak diabaikan bila jumlah peruntukan untuk hal ehwal Islam naik 84 peratus selepas 2008 kepada RM 457 juta untuk tempoh 2008-2016. Siapnya Kompleks Kehakiman dan Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang di Jalan Scotland, atas tanah kerajaan negeri bernilai RM80 juta dan perbelanjaan kos pembinaan RM33 juta oleh kerajaan persekutuan, merupakan satu lagi kejayaan usaha Tuan Yang Terutama Tun.

12. Membangun dan memakmurkan sesebuah negeri adalah suatu tugas yang mencabar dan merupakan amanah yang sangat berat untuk dipikul. Namun, pekerjaan yang berat ini menjadi ringan apabila dibuat secara bersama dengan semangat berpasukan yang tinggi dalam kalangan pimpinan negeri dan dokongan padu rakyat. Semangat kental rakyat Pulau Pinang membolehkan kerajaan negeri membersihkan imej kotor yang lepas kepada Pulau Pinang masakini yang bersih, hijau, sihat dan selamat.

13. Marilah kita teruskekalkan Pulau Pinang yang bersih, hijau, sihat dan selamat kini dan selama-lamanya. Justeru, Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha-usaha yang lebih positif untuk menjamin perpaduan yang erat antara rakyat berbilang kaum. Saya percaya kemesraan dan keprihatinan Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan terhadap rakyat akan menyemarakkan lagi rasa kasih sayang rakyat kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan.

Sekian terima kasih.

LIM GUAN ENG
KETUA MENTERI PULAU PINANG



@ GHEE HIANG GARDENS


Melampaui impian, Rumah ultimatif anda...

UNTUK UNIT
BUMIPUTERA
SAHAJA

**23 UNIT
RUMAH TERES 3 TINGKAT**

Harga Minima
RM2,993,000.00
Harga Maksima
RM4,460,000.00

Lokasi Strategik



HAK MILIK KEKAL • POTONGAN 5% UNTUK BUMIPUTERA • RUMAH TERES 3 TINGKAT

Untuk maklumat selanjutnya, sila hubungi pemaju perumahan:

six eleven assets group sdn bhd (931613-A) • 62 Lebuh Gelugor 11600 Penang

• Anak syarikat Ghee Hiang Holdings Sdn. Bhd.

T (604) 659 1659 / 659 3659 F (604) 659 4659 E sales@611.com.my / www.611.com.my



GHEE HIANG GARDENS RESIDENCES

RENTALS

- No. Lesen Pemaju: 12152-2/10-2017/0916(L) • Tempoh Sah: 29/10/2015 - 28/10/2017 • No. Permit Iklan: 12152-2/10-2017/0916(P) • Tempoh Sah: 29/10/2015-28/10/2017 • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPPP/OSC/PB(4068)/11 • No. Rujukan Pindaan Kepada Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB(8997)16 • Pelan Bangunan diluluskan oleh: Majlis Bandaraya Pulau Pinang
- Bilangan Unit: 23 Unit Rumah Teres 3 Tingkat • Tarikh Jangka Siap: Jan 2017 • Bebanan Tanah: Nil

Projek 'Satu Daerah, Satu Gelanggang Futsal' di Batu Ferringhi siap

Teks & Gambar : ZAINULFAQAR YAACOB

TANJUNG BUNGA - Kerja-kerja penarafan dan baik pulih dewan kayu berusia hampir 30 tahun di Batu Ferringhi menjadi sebuah gelanggang futsal membabitkan kos kira-kira RM200,000 mengambil masa hampir dua bulan dan siap sepenuhnya pada Januari lalu.

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang melaksanakan projek-projek seumpama itu meliputi lima daerah di negeri ini bawah program 'Satu Daerah, Satu Gelanggang Futsal'.

"Kerajaan Negeri memang nak wujudkan 'Satu Daerah, Satu Gelanggang Futsal' dan ini satu lagi kejayaan projek naik taraf infrastruktur awam untuk manfaat penduduk daerah ini," jelasnya pada Majlis Perasmian Projek Naik Taraf Dewan Serba Guna Dan Gelanggang Futsal Tertutup JKJKK Batu Ferringhi di sini baru-baru ini.

Serentak dengan majlis perasmian itu, Mohd. Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat turut merasmikan Kejohanan Liga Futsal Piala Timbalan Ketua Menteri I Peringkat Daerah Timur Laut, melibatkan saingan 10 pasukan.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Syerleena Abd. Rashid yang mewakili Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari serta Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Batu Ferringhi, Ahmad Jasin.

Dalam perkembangan lain, Mohd. Rashid memuji pentadbiran Pejabat Daerah Barat Daya kerana memberi kepercayaan serta menyerahkan tanggungjawab mengurus gelanggang futsal di sini kepada pihak JKJKK setempat.

"Seperti gelanggang futsal awam (bagi Daerah Barat Daya) di Sungai Nibong itu ketika ini masih diuruskan oleh MBPP, memang ada permohonan daripada JKJKK Sungai Nibong Pantai untuk menguruskan gelanggang futsal itu seperti di Batu Ferringhi ini.

"Sekarang, tempahan gelanggang di sana (Sungai Nibong) secara atas talian mesti dibuat tiga hari lebih awal, bayaran RM80 untuk dua jam (kos sewa gelanggang) pun dibuat secara *online* langsung kepada MBPP.

"Setakat permohonan (ambil alih pengurusan gelanggang) yang JKJKK (Sungai Nibong Pantai) ini hantar telahpun ditolak, saya harap pengurusan gelanggang futsal di sana pun diper mudahkan di bawah JKJKK juga, seperti di Batu Ferringhi ini," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Ahmad pada sidang media sama menyatakan bahawa, yuran RM80 sejam kerana gelanggang futsal di sini adalah secara tertutup serta menggunakan lebih tenaga elektrik, berbanding gelanggang futsal terbuka di Sungai Nibong.

"Hasil sewaan gelanggang futsal JKJKK Batu Ferringhi ini akan dipulangkan kepada komuniti setempat dalam bentuk bantuan dan sumbangan kebajikan seperti membeli lampu pakai buang atau barang-barang keperluan dapur kepada golongan terpilih di sini juga," respons beliau.



MOHD. Rashid Hasnon (tengah, berkaca mata), Syerleena Abd. Rashid (berbaju putih) merakam gambar kenangan bersama-sama jawatankuasa pengangur dan para peserta liga futsal pada Majlis Perasmian Projek Naik Taraf Dewan Serba Guna Dan Gelanggang Futsal Tertutup JKJKK Batu Ferringhi di sini baru-baru ini.

TANPA BEG PLASTIK PERCUMA SETIAP HARI 2.0 每日无免费塑胶袋 2.0

mulai 01 Mac 2017 自2017年3月1日起

Pasaraya Hyper, Pasaraya Besar, Pasaraya Serbaneka, Kedai Serbaneka, Restoran Makanan Segera, Kedai Serbaneka Stesen Minyak, Kedai Rangkaian, Farmasi dan lain-lain.

霸级市场、超级市场、杂货市场、杂货店、快食店、油站杂货店、连锁店、药剂行等等。

Pendaftaran boleh dilakukan di:
可在以下地点登记:

Bahagian Pelesenan MBPP,
Dewan Bandaraya, Jalan Padang
Kota Lama, 10200 Georgetown,
Pulau Pinang.

槟岛市政厅执照部门

Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran
Seberang Perai, Jalan PERDA Utama,
Bandar PERDA, 14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang.

威省市政局一站式柜台

Hasil kutipan RM0.20 sen akan disalurkan ke Tabung Akaun Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pembasmian kemiskinan di seluruh negeri Pulau Pinang melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES).

收取的20仙将被收入槟州福利基金，通过公平经济议程 (Agenda Ekonomi Saksama , AES) 计划来作为全槟的除贫基金。

Sebarang Pertanyaan / 任何询问:

Bahagian Pelesenan, MBPP / 槟岛市政厅执照部: 04 - 263 8818

Bahagian Pelesenan, MPSP / 威省市政局执照部: 04 - 549 7414

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdulmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapree adunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbktengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungapinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan drjayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Ramli Omar ramliomar53@gmail.com	012 - 487 3070
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak asrolpkb@gmail.com	013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhammad muhasdey@gmail.com	019 - 437 2887
PERMATANG BERANGAN Fahmi Abu Bakar mudiram@gmail.com	013 - 488 1601
SUNGAI DUA Rosli Hassan rosli1971@yahoo.com	019 - 410 5990
TELOK AIR TAWAR Mustafa Kamal Ahmad mustafakamalmka@gmail.com	019 - 556 9552
SUNGAI ACHEH Azmi Samsudin azmikeadilan@gmail.com	012 - 594 1515
BAYAN LEPAS Azrul Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	017 - 594 1976
PULAU BETONG Mohd Tuah Ismail mtuah17@gmail.com	019 - 570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hsh@gmail.com	017 - 460 4849

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809
DIREKTORI TELEFON OPERATOR ANTARABANGSA	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
HOTLINE MBPP	101		
	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
	04-263 7000	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
NEGERI	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
KASTAM	04-250 3419	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
IMIGRESEN	WCC (Women's Centre for Change)	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
	04-228 0342	CAP	04-829 9511
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161 04-281 1108
EPF	04-226 1000	PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555
SOCSCO	04-238 9888		

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1	Penaga	: 012 - 445 1767	- Muazah	N22	Tanjong Bungah	: 012 - 465 0021	- Tina
N2	Bertam	: 012 - 466 9681	- Fatimah Bakar	N23	Air Putih	: 011 - 12441069	- Hezreen
N3	Pinang Tunggal	: 017 - 424 9371	- Tasrin Tugemin	N24	Kebun Bunga	: 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N4	Permatang Berangan	: 012 - 505 1334	- Farrah Erika	N25	Pulau Tikus	: 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N5	Sungai Dua	: 016 - 412 8588	- Zuhair	N26	Padang Kota	: 017 - 956 3237	- Quah
N6	Telok Air Tawar	: 012 - 475 4326	- Mohd. Zamri	N27	Pengkalan Kota	: 012 - 401 1522	- Johnny Chee
N7	Sungai Puyu	: 012 - 480 5495	- Mr.Lee	N28	KOMTAR	: 010 - 811 7300	- Ch'ng Chin Keat
N8	Bagan Jermal	: 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N29	Datok Keramat	: 04 - 226 2464	- Razin
N9	Bagan Dalam	: 016 - 473 1963	- Gesan	N30	Sungai Pinang	: 04 - 282 6630	- Kalvinder
N10	Seberang Jaya	: 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	N31	Batu Lancang	: 04 - 282 6419	- Shuen
N11	Permatang Pasir	: 010 - 406 2128	- Nurafiqah	N32	Seri Delima	: 019 - 4474362	- Karuna
		013 - 595 6865	- Rosli	N33	Air Itam	: 012 - 5242549	- Mahen James
N12	Penanti	: 04 - 538 2871	- Tira	N34	Paya Terubong	: 012 - 4730736	- Anne Janet
N13	Berapit	: 016 - 401 3507	- Mr.Lim	N35	Batu Uban	: 016 - 4940705	- Toon Hoon Lee
		017 - 446 1817	- Yeoh Ee Yee	N36	Pantai Jerejak	: 016 - 205 1185	- Frankie Kee
N14	Machang Bubuk	: 012 - 474 0964	- Andrew Chin	N37	Batu Maung	: 016 - 480 0232	- Jalal
		012 - 473 0964	- Ikhwan	N38	Bayan Lepas	: 016 - 487 8602	- Khairul Sathyia
N15	Padang Lalang	: 017 - 552 8928	- Chan	N39	Pulau Betong	: 016 - 444 3550	- Aliiff / Shamsudin
N16	Perai	: 014 - 945 9786	- Lai	N40	Telok Bahang	: 04 - 646 4700	- Amirulzaman
N17	Bukit Tengah	: 04 - 383 9131	- Sri Sangar				- Danny Ho
N18	Bukit Tambun	: 016 - 404 9120	- Lim Tuan Chun				- Yusof Ismail
		017 - 378 4448	- G.Dumany				- Aidi Akhbal
N19	Jawi	: 017 - 408 4784	- Khor				- Johan Abu Bakar
		012 - 456 5018	- Abdul Halim				
N20	Sungai Bakap	: 019 - 552 8689	- Mr. Khor				
		012 - 542 4454					

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2017**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	04 - 323 8757 016 - 407 6058
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Thomas Loh Wei Pheng	04-390 6836 012 - 409 6836
Woo Sze Zeng (Joshua)	016 - 557 6672
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Dr Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Dr. Seow Kweng Tian	04 - 593 5493 012 - 507 2229
Fadzil Hj Abdullah	017 - 343 4464
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 505 7288 013 - 430 2096
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Hamizah Abdul Manab	013 - 591 6344

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	A. Veerasamy	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	012 - 451 5938

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2017**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Ahmad Razaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Khoo Salma Nasution	017 - 456 6012
Kumaresan a/l Aramugam	014 - 945 9621
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Mei 2017**



DATE : 30TH MAY - 3RD JUNE
TIME : 8:00AM - 20:00PM
VENUE: KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN PULAU PINANG

Endorse by: Organized by: Support by: Sponsor by:

WTA WPSA ASEAN ACTIVEON

ASEAN FREESTYLE SKATING CHAMPIONSHIP

PENANG - 2017

YAP LEE YING

AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,

NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:

LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,

AHMAD ADIL MUHAMAD

DARWINA MOHD. DAUD

Jurugrafik: IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang

Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923

Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Terokai keindahan terbit dan terbenam sang suria di Bukit Bendera

BUKIT Bendera merupakan puncak tertinggi di bahagian pulau Pulau Pinang, dengan ketinggian 2,732 kaki atas aras laut. Lokasi pelancongan tersebut tidak asing bukan sahaja dalam kalangan pelancong tempatan, malah juga luar negara.

Bukit Bendera merupakan kawasan tanah tinggi tertua di Asia Tenggara yang dibangunkan sejak zaman penjajahan British, iaitu sekitar lewat 1700-an dengan menggunakan laluan penunggang kuda dari Kebun Bunga (kini dikenali sebagai Taman Botani) untuk ke puncak.

Mod pengangkutan terawal adalah dengan menaiki kuda atau kerusi sedan istimewa yang dikandar dikenali sebagai 'doolies'.

Sistem pengangkutan menggunakan kereta kabel mula dibina pada tahun 1902 dan siap tiga tahun kemudian, namun, atas sebab kesilapan semasa pembinaan, landasan kedua mula dibangunkan pada tahun 1914.

Pada Oktober 1923, landasan sepanjang 2,007 meter siap dan dirasmikan oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir L.N. Guillemard pada 1 Januari 1924.

Sehingga pada tahun 2010, sistem kereta api furnikular baru diperkenalkan dan kembali beroperasi pada April 2011.

Purata suhu antara 21-25 derjah Celsius menjadikan Bukit Bendera tumpuan untuk melepaskan lelah terutama dalam kesibukan harian dan hiruk-pikuk kota George Town.

Kini, dengan pelbagai penambahbaikan dilakukan, Bukit Bendera semakin menyinar dan menjadi tumpuan tanpa mengira waktu.

Skuad Buletin Mutiara telah diberikan kesempatan untuk menemu bual **Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera (PHC)**, Cheok Lay Leng di pejabat beliau baru-baru ini.

Ikuti temu bual wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** yang turut disertai oleh Pengurus Bahagian

Promosi, Perhubungan Awam & Khidmat Pelanggan, Kenneth Tan dan Pengurus Bahagian Khidmat Pengurusan Korporat, Sumirahilin Sedek.

Istimewanya, sesi wawancara kali ini menumpukan kepada rahsia tarikan tersembunyi Bukit Bendera iaitu keindahan melihat matahari terbenam dan matahari terbit yang tidak diketahui ramai.

Promosi Istimewa Pemegang MyKad Untuk Menikmati Matahari Terbit & Terbenam

Bagi pemegang MyKad, Lay Leng memberitahu, pihak PHC menawarkan promosi tiket RM3 setiap hari, kecuali cuti sekolah, kepada pengunjung yang ingin menikmati suasana fajar menyinsing dan terbenam.

"Kaki fotografi khususnya, dipelawa untuk menikmati suasana matahari terbit dan terbenam di dek-dek pemandangan yang tersedia di sini.

"Tiket RM3 ini adalah untuk pergi dan balik, bermula dari pukul 6.30 sehingga 9 pagi bagi trip pagi, dan bagi trip malam bermula pukul 7 malam. Waktu-waktu lain harga tiket adalah tertakluk seperti yang telah ditetapkan oleh PHC," jelasnya sambil mengajak orang ramai melihat sendiri keindahan alam di awal pagi dan lewat petang di Bukit Bendera.

Konsep Pembangunan Berfasa Bukit Bendera


Mengikut Lay Leng, sejak pengenalan sistem pengangkutan kereta api furnikular pada tahun 2010, Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya, tidak terhenti di situ. Sebaliknya, mula melaksanakan konsep pembangunan berfasa.

"Fasa 1 adalah pembangunan laluan alternatif ke astaka Bukit Bendera dan kawasan terbuka termasuk pembinaan bumbung sentap bagi membolehkan pengunjung menikmati keindahan alam semulajadi.

"Manakala Fasa 2 adalah membatikan pembinaan ikon baharu Bukit Bendera iaitu Sky Walk, dek pemandangan yang membolehkan pengunjung menikmati pemandangan 180 darjah bandar raya George Town dan Jambatan Pulau Pinang serta memperluaskan kawasan menunggu di Stesen Puncak.

"Dan kini, adalah Fasa 3... merangkumi pelebaran kawasan Stesen Bawah bagi memberi keselesaan kepada pengunjung terutama ketika menunggu kereta api atau membeli tiket.

"Ya, sudah tentu kami (pihak pengurusan PHC) sedar bahawa



KOMTAR yang tersergam indah sambil dikelilingi lampu-lampu malam bandar raya George Town.



SALAH satu spesies periu kera yang terdapat di Bukit Bendera.



ANTARA flora yang dapat ditemui di pusat pelancongan tanah tinggi ini.

bilangan pengunjung yang datang ke sini adakalanya mencecah sehingga 800 ke 900 orang dalam satu-satu masa, malah terpaksa beratur panjang untuk membeli tiket.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah wang bagi menambah baik ruang di Stesen Bawah termasuk menambah bilangan gerai, ruang menunggu yang selesa dan ruang serba guna.

"Jadi pengunjung dapat membeli-belah atau bersantai semasa menunggu giliran untuk ke Stesen Puncak," katanya yang membayangkan Fasa 3 merupakan fasa terpenting dalam memastikan pengunjung dapat menikmati suasana di sini.

Mengulas lanjut, Lay Leng memberitahu, Fasa 3 juga merangkumi pembinaan laluan

pintasan yang dinaik taraf terutamanya dari segi landskap.

"Kami (PHC) mahu pengunjung terutamanya mereka yang menggemari fotografi menjadikan vista Bukit Bendera melatar gambar-gambar mereka terutama di hadapan bangunan di Stesen Bawah," jelas beliau.

Fasa 4 merupakan penyediaan kemudahan memarkir kenderaan termasuk menyediakan 20 ruang tempat meletakkan bas di dalam grid.

Tambah Lay Leng, pada masa sama, pihaknya turut mengawal selia pembangunan di cerun-cerun bukit termasuk penyelenggaraan pemulihan cerun bagi mengelakkan terjadinya tanah runtuhan.

Tarikan Terbaru Bukit Bendera

Ingin merasai pengalaman kejadian gempa bumi berukuran sehingga lapan magnitud atau taufan dengan kelajuan 180km/j bersama hujan lebat?

Jika ya, pastikan anda ke Pavilion Gempa Bumi & Taufan yang terletak bersebelahan Balai Polis Bukit Bendera.

Selain menikmati keindahan flora dan fauna, Bukit Bendera turut mempunyai bangunan-bangunan warisan, misalnya

(Bersambung di muka 15)



CHEOK Lay Leng.

(Dari muka 14)

Rumah Agam Convalescent yang telah dibina pada awal kurun ke-19.

Begitu juga Rumah Agam Bel Retiro yang dibina pada awal 1800-an untuk Gabenor Pulau Pinang ketika itu.

Lay Leng menyatakan bahawa, para pengunjung juga perlu meluangkan masa melawat Muzium Burung Hantu, Taman Periuk Kera dan Desa Kecil yang menempatkan perkampungan orang kerdil (*dwarf village*) dan juga merasai sendiri madu tulen yang dihasilkan di sini.

"Satu lagi tarikan baharu yang mempunyai kelasnya tersendiri ialah The Habitat Bukit Bendera (The Habitat).

"Di sini (The Habitat) pengunjung boleh menikmati suasana nyaman dan segar berlatarbelakangkan hutan hujan dara berusia 130 tahun.

"Pengunjung turut boleh mengunjungi taman-taman bertema, melalui denai semulajadi serta melihat panorama hijau pada ketinggian 13 meter, iaitu *The Tree Top Walk*... direka dengan kejuruteraan yang 'mesra pokok' tanpa 'menyakiti' pokok di sekelilingnya," ujarnya.

Beliau turut menjelaskan, Kerajaan Negeri kini dalam usaha untuk mendapatkan status Hutan Simpanan Biosfera Kekal daripada Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) untuk The Habitat.

"Sekiranya berjaya, ia akan membuka lembaran baharu terutama untuk penyelidikan biodiversiti di rantau ini.

"The Habitat bakal menjadi hab untuk penyelidikan biodiversiti," katanya.

Nasihat Untuk Pendaki, Jangan Membuang Sampah!

"Ramai yang sudah maklum, bahawa terdapat banyak laluan pendakian untuk ke puncak Bukit Bendera dan salah satunya melalui Kebun Bunga.

"Namun, agak mengecewakan apabila melihat laluan ini dipenuhi dengan botol-botol minuman, plastik dan kertas yang dibuang sesuka hati.

"Oleh itu, saya ingin menasihati para pendaki supaya membawa sendiri beg plastik atau membawa naik sampah yang ingin dibuang ke puncak, kerana kita (PHC) menyediakan banyak tong-tong sampah.

"(Dan) saya sendiri pernah mengutip beberapa bekas makanan dan botol plastik yang dibuang sepanjang laluan ke puncak Bukit Bendera.

"Saya harap, perkara sebegini seharusnya dititikberatkan kerana kita ingin memelihara alam semulajadi yang ada. Sekiranya 'rosak', maka tiada lagi keindahan sepanjang pendakian ke Bukit Bendera.

"Jadi, jangan membuang sampah sesuka hati, sama-sama kita membantu memelihara khazanah hutan kita," seru beliau yang berhasrat untuk mengadakan risalah pendidikan untuk pengunjung Bukit Bendera termasuk para pendaki.


(Gambar : Ihsan PHC).



PEMANDANGAN bulan purnama di puncak Bukit Bendera.



SALAH satu lokasi tarikan di Bukit Bendera.



SISTEM kereta api furnikular merupakan generasi keempat sistem pengangkutan di Bukit Bendera.



PENGHUNI tetap di Bukit Bendera yang sentiasa menjadi tarikan dalam kalangan pelancong.



JAMBATAN Pulau Pinang yang dirakam dari Bukit Bendera.

Persempadanan semula: Guan Eng gesa SPR beri jawapan bertulis

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menggesa Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia

(SPR) supaya memberikan jawapan bertulis berhubung bantahan yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum ini.

Gesaan tersebut dibuat setelah SPR

gagal memberikan sebarang respons terhadap bantahan persempadanan semula sebelum ini membabitkan kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Paya Terubong dan Air Putih.

“Saya berharap selepas prosiding hari ini (3 Mei), SPR akan memberi maklum balas secara bertulis, sama ada mereka bersetuju atau tidak dengan bantahan yang dikemukakan.

“Jarang sekali berlaku dalam sebuah negeri tidak ada persempadanan semula dan Pulau Pinang merupakan negeri pertama. Mengapakah tiada persempadanan semula?” soalnya kepada pemberita sejurus selesai prosiding siasatan tempatan kali kedua bagi negeri Pulau Pinang di sini pada 3 Mei lalu.

Guan Eng hadir sambil ditemani Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Pegawai Khas Undang-undang Kepada Ketua Menteri, Raja Syarafina Raja Shuib.

Guan Eng dalam pada itu turut mempertikaikan pembahagian sempadan yang tidak sekata.

“Contohnya di Parlimen Bukit Gelugor, jumlah pengundi adalah 81,897 orang berbanding Parlimen Balik Pulau hanya 49,641 orang atau 1.65 kali ganda jumlah perbezaan pengundi.

“Begitu juga bagi KADUN, misalnya di Paya Terubong terdapat 41,707 pengundi berbanding kawasan saya (Air Putih) hanya 12,752 pengundi atau 3.73 kali ganda beza.

“Perkara ini merupakan diskriminasi dan tiada prinsip demokrasi asas iaitu satu orang, satu undi, satu nilai.

“Jadi saya berharap SPR dapat memberikan respons secara bertulis dan bukannya tiada jawapan,” tegasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Pertengahan November lalu, Guan Eng buat kali pertama membantah cadangan persempadanan semula SPR, disusuli bantahan kali kedua pada 4 April lalu.

Bagi beliau, cadangan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dilaksanakan tiap-tiap 10 tahun sepatutnya lebih adil, sebagaimana dituntut dalam perlumbagaan persekutuan.

Ini kerana, menurut Guan Eng, Fasal (2) Perkara 113 di bawah subseksyen 2(c) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

“Bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya di dalam sesuatu Negeri patutlah lebih kurang sama banyak kecuali bahawa, dengan mengambil kira kesulitan yang lebih besar untuk sampai kepada pemilih di dalam daerah desa dan kesukaran lain yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihan raya di luar bandar, ukuran perwajaran bagi kawasan patutlah diberikan kepada bahagian-bahagian pilihan raya”.

MY PENANG MY FUTURE

2017 SCHOLARSHIP PROGRAM

PENANG SCHOLAR	MUTIARA SCHOLAR
-----------------------	------------------------

- COMPREHENSIVE FINANCIAL ASSISTANCE**
- RECOGNITION AS OUTSTANDING SCHOLAR**
- UNLEASH CAREER POTENTIALS**

INSPIRING HOPES

PENANG FUTURE FOUNDATION (PFF), made possible by donations from private sectors and donors, is a scholarship program awarded by the Penang State Government to outstanding and deserving Malaysians to pursue their undergraduate studies in Malaysia. This is one of the State's initiatives to stem the tide of brain drain and nurture Penang as a talent hub.

It aims to be the ladder of opportunity our Malaysian youths can climb upon, or the escalator that propels young Malaysians towards a better future.

PFF SCHOLARSHIP IS OPEN TO ALL ELIGIBLE MALAYSIAN STUDENTS

Priority will be given to Penangites or those who have studied in Penang and students who demonstrate excellent leadership, communication skills, teamwork and/or other non-academic achievements.

Further details: www.penangfuturefoundation.my
Contact us: info@penangfuturefoundation.my

STEMA Penang Future Foundation

ONLINE APPLICATIONS

accepted from

22 May to 18 June 2017

BUILDING FOUNDATION

PENANG FUTURE FOUNDATION SCHOLARSHIP
Funds Malaysian youth 25 years old or younger to undertake full-time undergraduate studies at public and private universities (IPTA and IPTS) in Malaysia.

Sponsored Courses
MQA accredited courses in Science*, Technology, Engineering, Mathematics (STEM), Accountancy and Finance.
* Exclude Medicine

Upon completion of study, the scholars are bound to work in Penang in any organisation of their choice.

PENANG SCHOLAR
ELIGIBILITY TO APPLY

- Minimum CGPA 3.67
- Household income not more than RM15,000 per month

AWARD

- Tuition fee up to maximum RM100,000
- Monthly living allowance RM1,000

MUTIARA SCHOLAR
ELIGIBILITY TO APPLY

- Minimum CGPA 3.00
- Household income not more than RM5,000 per month

AWARD

- Tuition fee up to maximum RM60,000
- Monthly living allowance RM600

Terms and Conditions apply

ACHIEVING DREAMS



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesem semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11096 MOHAMAD SYAFFUAN BIN ABDUL RASHID - 89050407**** NO.8 JALAN SPEKTRUM, U16/11 BUKIT SUBANG 40150 SHAH ALAM, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 11097 MOHAMAD NASHRUL BIN MOHAMAD NAZARI - 89112807**** 5 LORONG KUALA BEKAH 4, TAMAN KUALA BEKAH 13100 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam	: 11098 MOHD HELMI BIN ROSLI - 85112207**** NO. 76 LORONG 9, TAMAN GUAR PERAHU 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11100 NURSHAFARINA BINTI MD SAMSUDIN - 85112807**** NO.5 JALAN IRAWADDY
Penjamin 1	: ABDUL RASHID BIN IBRAHIM - 53092506**** NO.8 JALAN SPEKTRUM, U16/11 BUKIT SUBANG 40150 SHAH ALAM, SELANGOR	Penjamin 1	: MOHAMAD NAZARI BIN IBRAHIM - 62070607**** 5 LORONG KUALA BEKAH 4, TAMAN KUALA BEKAH 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 1	: ROSLI BIN HAMDAN - 54111408**** 76 LORONG GUAR PERAHU 9 TMN GUAR PERAHU, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: ROSLAN BIN NAINA MOHAMAD - 80092707**** NO.16B LORONG MADRAS, 10400 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2	: NORZIAH BINTI YAHAYA - 56120608**** NO.8 JALAN SPEKTRUM, U16/11 BUKIT SUBANG 40150 SHAH ALAM, SELANGOR	Penjamin 2	: ZANARIAH BINTI ABDUL RAHIM - 72010407**** 12 LORONG PENAGA 34, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 2	: SAHIMAT BIN JAMIUN @ JAMUIN - 68121012**** 107 LORONG S 1&6, TAMAN DESA AMAN, PADANG MEAHA 09410 PADANG SERAI, KEDAH	Penjamin 2	: MOHD ANUAR BIN ABD RAZAK - 83102702**** 1624 MK 10 SUNGAI ACHEH, JALAN SUNGAJ UDANG 14310 NIBONG TEBAL, SPS
No Akaun Peminjam	: 11103 SITI HAJAR BINTI JASAT - 89103107**** NO.6009 KAMPUNG KOTA, PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 11109 TANG MEI CHENG - 86041535**** 2-16-6 LINTANG KAMPUNG MELAYU 2, BANDAR BARU AIR ITAM	No Akaun Peminjam	: 11118 CHUANG KOK HOW - 87061307**** NO. 35 TINGKAT SUNGAI ARA 2, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11120 MOHD KHAIRI BIN SHAARI - 80050907**** 842-T05-U02 FASA 8, PRESINT 9, 62250 PUTRAJAYA
Penjamin 1	: JASAT BIN RAMLI - 46081607**** NO.6009 KAMPUNG KOTA, PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 1	: LIM BENG HUAT@LAM BENG HUAT - 37021707**** H04 TAMAN FREE SCHOOL, 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: CHUANG AH CHOONG - 55120907**** NO. 35 TINGKAT SUNGAI ARA 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ROZAINI BINTI SHAARI - 78071308**** NO. 2669 MUKIM 7, PERMATANG RAWA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: KHAIROL NIZAR BIN JASAT - 83022107**** NO.6009 KAMPUNG KOTA, PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 2	: LEONG HIP@LEONG YIP CHEONG - 43082607**** NO.50 TAMAN PERAK, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2	: CHUANG GAIK YAP - 81082507**** NO.35 TINGKAT SUNGAI ARA 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: SHAARI BIN SALLEH - 53080607**** NO. 2669 MUKIM 7, PERMATANG RAWA 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 11121 SUHANI BINTI MD NOOR - 84051402**** 3183 JALAN TUN HUSSEIN ONN, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 11122 NORLIZAM BIN NORDIN - 73021107**** NO. 3 JALAN PEKAKA 2, TAMAN PEKAKA, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11124 MUHAMMAD NAIM BIN ABD SHUKOR - 83102307**** NO. 2652 MUKIM 5, BUKIT INDRA MUDA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11125 NURZALILA BINTI RAZALI - 87022735**** 3-3-15 FLAT SERI DELIMA, LINTANG BAYAN 8, SG. ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1	: MOHD SUHAIMI BIN MD NOOR - 75071802**** 3183 JALAN TUN HUSSEIN ONN, 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 1	: HASFIZANI BINTI HAJI ARIFFIN - 75101102**** NO. 90 TAMAN CEMPAKA, 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: MUHAMMAD NIZAM BIN ABDUL SHUKOR - 78030302**** 2652 MUKIM 5, BUKIT INDRA MUDA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: SUKIMAN BIN UNTONG - 58122307**** 435 BLOK H MK 12 JALAN BHARU, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG
Penjamin 2	: MOHD SUKRI BIN MD NOOR - 71081602**** 3183 JALAN TUN HUSSEIN ONN, 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 2	: MOHAMAD FIRDAUS BIN SAAD - 81012107**** 1-3-6 JALAN PEKAKA 2, TAMAN PEKAKA, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ARYANI FAZALIZA BINTI MOHD ALI - 80083007**** 5 TINGKAT DAMAI 1, TAMAN PERMATA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: MOHD SAPARI BIN ABD MAJID - 80011107**** 435 BLOK H MK 12 JALAN BHARU, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11128 SITI NURZAFIRAH BINTI KAMARUZAMAN - 88101907**** C-G-18 KELISA APARTMENT, TAMAN INDERAWASHI 13600 PERAI	No Akaun Peminjam	: 11129 MOHAMMED KHAIRUL FAREEZ BIN HANAFI - 83081807**** NO. 11 LORONG RAJAWALI 13, TAMAN BERJAYA 14300 NIBONG TEBAL, SPS	No Akaun Peminjam	: 11130 SITI NUR SOLEHABINTI SAFIAN - 88072407**** 34 TINGKAT PASIR BELANDA 7, TELUK KUMBAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11134 HALIMA SAKDIYA BINTI PAKIR MYDIN - 85081407**** BLOK 56-10-01, JALAN SLIM, JELUTONG 10050 PULAU PINANG
Penjamin 1	: MOHD FAUZI BIN SALLEH HILMI - 74012702**** 9 JALAN SOLOK NIPAH 3 , TAMAN HJ MOHD AMIN 13700 PERMATANG PAUH	Penjamin 1	: NORAZURA BINTI MOHAMED MOKHTAR - 73010508**** NO. 40 JALAN SEPAKAT, TAMAN RAPAT INDAH 31350 IPOH, PERAK	Penjamin 1	: SITI NUR KHADIJAH BINTI SAFIAN - 79052707**** 34 TINGKAT PASIR BELANDA 7, 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: SHARIFFA BINTI PAKIR MYDIN - (MENINGGAL DUNIA) BLOK 56-10-01 JALAN SLIM , 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2	: MANSOR BIN MET - 51010207**** NO. 531 KAMPUNG SEKOLAH, JURU, 14100 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: MOHD NAZRUL HALIM BIN GHAZALI - 83052606**** KAMPUNG GUA, PADANG TENGKU, 27100 PAHANG	Penjamin 2	: SAFIAN BIN MOHAMED HANIF - (MENINGGAL DUNIA) 34 TINGKAT PASIR BELANDA 7, 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: AHMAD JAMIL BIN S A ABDULLAH - 64020607**** 115-09-10 KOMPLEKS JALAN KEDAH 10050 GEORGETOWN, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11136 MOHD ILYAS BIN IBRAHIM - 85032507**** 9 TINGKAT PERWIRA 1, TAMAN WIRA, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11137 MOHD IDHAM BIN MOHD SHARIF - 84080208**** 2207 JALAN HARAPAN 2, TAMAN HARAPAN 14300 NIBONG TEBAL, SPS	No Akaun Peminjam	: 11142 NURUL FITRIYAH BINTI MD RADI - 83071207**** 5096 MK 3, KAMPUNG PETANI 14400 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11143 NURUL HAFIZ BIN CHE HUSSIN - 88112835**** NO.358 LORONG DATO, KAMPUNG MANJOI 30020 IPOH, PERAK
Penjamin 1	: AMNAH BINTI SAAD - 60081202**** F 461 KAMPUNG BERAPIT, TIKAM BATU, SUNGAI PETANI 08600 KEDAH	Penjamin 1	: MOHD SHARIF BIN ARIFIN - 53061108**** 2207 JALAN HARAPAN 2, TAMAN HARAPAN 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: CHE EMBON BINTI YUSUF - 52022407**** 5096 MUKIM 3, KAMPUNG PETANI, 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: NOOR ELEYZAA BINTI CHE HUSSIN - 81021708**** LOT 358 LORONG DATO, KAMPUNG MANJOI, 30020 IPOH, PERAK
Penjamin 2	: ZAINAB BINTI SAAD - 68033102**** F 461 KAMPUNG BERAPIT, TIKAM BATU, SUNGAI PETANI 08600 KEDAH	Penjamin 2	: MOHD HAFIGURRAHMAN BIN MOHD SHARIF - 82052407**** 2207 JALAN HARAPAN 2, TAMAN HARAPAN, 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	: ZAWIAH BINTI MAT ZAIN - 67062602**** 811 MUKIM 3, KAMPUNG PETANI, 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: CHE HUSSIN BIN ARIPIN - RF64**** LOT 358 LORONG DATO, KAMPUNG MANJOI, 30020 IPOH, PERAK
No Akaun Peminjam	: 11144 SITI NURATIQAH BT KHAMARUDIN - 89052707**** NO. 375 BAGAN AJAM, JALAN TAMAN EMAS 13000 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11145 SHAH REZZAT BIN AHMAD - 85010514**** NO. 4 JALAN MAJU, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11148 SITI ZAINONI BINTI MOHD ZAINOL ABIDIN - 87010135**** 58 BLOCK J MUKIM 12, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11149 MOHD RAISUL MUADDIN BIN HAMAD - 81041207**** NO. 598 PAYA KELADI HUJUNG 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1	: KHAMARUDIN BIN HASHIM - 44112507**** NO. 375 BAGAN AJAM, 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: AHMAD BIN ABD HADI - 54010702**** NO. 4 JALAN MAJU, TAMAN HJ ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: NOOR AZMAN BIN MD ALI - 78101708**** 58 BLOK J MUKIM 12, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ABD SYAFIQ BIN SALLEH - 82112707**** 2740 JALAN SERAMPANG 4, TAMAN RIA JAYA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2	: SITI HAJAR BINTI KHAMARUDIN - 84042007**** NO. 375 BAGAN AJAM, 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: SHAH FAIZAL BIN AHMAD - 83121114**** NO. 4 JALAN MAJU, TAMAN HJ ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: FAIZAH BINTI MOHD KHIR - 65120202**** 958 MUKIM 6, PONDOK UPEH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: RIDZUAN BIN HAMAD - 55011607**** NO.12 JALAN 4/7, 43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR
No Akaun Peminjam	: 11150 GAVI ARESI A/P SUGUMARAN - 83070807**** NO. 6 LORONG SUTERA PRIMA 3, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 SEBERANG JAYA	No Akaun Peminjam	: 11151 ZAIRUL IDZWAN BIN ZAINAL ABIDIN - 85040207**** NO. 80 JALAN MURNI 20, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11152 NOOR BAKHTIAR BIN AHMAD - 82021007**** NO. 141 JALAN EMPAT, TELUK BAHANG 11050 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11154 MUHAMMAD HAFIZ BIN ABU BAKAR - 84020914**** NO. 801 LAHAR YOOI I3300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1	: SUGUMARAN A/L KAMARAN NAIR - 59040802**** 6 LORONG SUTERA PRIMA 3, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 1	: ZAINAL ABIDIN BIN AZIZ - 51062608**** NO. 80 JALAN MURNI 20, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: NOOR AZIDAH BINTI AHMAD - 75040107**** NO. 141 LORONG NELAYAN 4, 11050 TELUK BAHANG, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MUHAMMAD HUSAIRI BIN ABU BAKAR - 76031607**** NO. 801 LAHAR YOOI I3300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2	: SELVANATHAN A/L MARIAPPEN - 74061107**** NO.1 CANGKAT GAMBI 1, DESA MUTIARA 2, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: KHOZANAH BINTI IBRAHIM - 69101710**** 24 LORONG BENTARA 14, TAMAN BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: NOORHANA BINTI AHMAD - 72012807**** 7A-5-10 PALM COURT, SERI TANJUNG PINANG, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHAMMAD NAJIT BIN ZAKARIAH - 84032207**** 5525 KAMPUNG CHEGAR, PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SPU
No Akaun Peminjam	: 11163 RABIANTUL BAZARIAH BINTI MOHD MAKTHUM - 84102107**** 16-9-5 SERINA BAY , HILIR SUNGAI PINANG	No Akaun Peminjam	: 11168 NUR ALWANI BINTI ZULKIFLI - 87112502**** NO. 70 KAMPUNG TOK KEPAK, MUKIM AH, KODIANG 06100 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11170 HARDEV SINGH A/L HARPAL SINGH - 82090408**** KLINIK KESIHATAN TANJUNG MALIM, TANJUNG MALIM 35900 PERAK	No Akaun Peminjam	: 11177 EGNESWARY A/P JEGANATHAN - 87051507**** 1-A7-4 TAMAN KILANGIN, JALAN SUNGAI 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1	: ROSLI BIN ABDUL MANAF - 7907307**** BLOK B TINGKAT 1-8, RIFLE RANGE FLATS, 11400 PULAU PINANG	Penjamin 1	: SHAARI BIN MAT ISA - 61040402**** 16 JALAN DAHLIA 15, TAMAN IRA, 01000 KANGAR, PERLIS	Penjamin 1	: HARPAL SINGH A/L RATTAN SINGH - 52061871**** 3T LORONG DELIMA 13, ISLAND GLADES 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: GHANA SAMBANTHAM A/L VIJAYASUNDARAM - 75070307**** 2A-4 JALAN SEMARAK API SATU, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2	: PATIMAH BINTI SINTHA MADAR - 67102507**** 24 KOTA GIAM, JELUTONG TIMUR 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2	: SHAIQON BIN MAT ISA - 77081302**** 70 KAMPUNG TOK KEPAK, MUKIM AH, KODIANG, 06100 KEDAH	Penjamin 2	: BULAWAN KAUR A/P GEJA SINGH - 54062008**** 3T LORONG DELIMA 13, ISLAND GLADES 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: INDRA MAGESHA A/P KRISHNAN - 76081207**** 2A-4 JALAN SEMARAK API SATU, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11188 LOO YING JIE - 84101607**** 38-G-8 LENGGOK NIPAH 2, TAMAN JUBILEE, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11189 MOHAMMAD SYUKRI BIN BADARUDDIN - 8903107**** NO. 26 JALAN NIPAH, TAMAN HJ MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 11		



PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN: “Saya ❤️ Pulau Pinang”

HADIAH UTAMA
Pertama: RM500
Kedua: RM300
Ketiga: RM200



**SAYA ❤️
PULAU PINANG**
#UntukNegeriKita

- Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
- Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
- Salz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 42 cm).
- Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
- Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
- Setiap set penyertaan perlu bertemakan "Saya ❤️ Pulau Pinang" dan mempunyai hashtag, #UntukNegeriKita.
- Borang butiran maklumat perlbadil peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
- Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan pengajur adalah tidak sah.
- Semua karya adalah hak milik pengajur.
- Tarikh tutup penyertaan, **31 Julai 2017**.

Sila isi butiran berikut:

Nama :

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

No. Telefon : (Rumah) _____ (Bimbbit) :

Emel:

Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
 Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.
 (Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam : 11194 Peminjam : INTAN NUR FARAH BT RAHMAT - 87103035**** Penjamin 1 : MBT 437 KR LOT 6052A, PARIT PENYEGAT, PARIT JAWA 83610 MUAR, JOHOR Penjamin 2 : FARIDAH BINTI MD SAID - 56021301**** MBP 437 KR LOT 6052A, PARIT PENYEGAT, PARIT JAWA 83610 MUAR, JOHOR	No Akaun Peminjam : 11199 Peminjam : NOR AKMA BINTI MOHD RAWI - 88062007**** Penjamin 1 : DI HADAPAN 273 MK B, SUNGAI RUSA 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG Penjamin 2 : NOOR RAZILA BINTI MOHD RAWI - 84030307**** DI HADAPAN 273 MK B, SUNGAI RUSA, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11201 Peminjam : NOOR ISMAIL B. MOHD YUNUS@ZAKARIA - 85051907**** Penjamin 1 : NO. 36 JALAN SEJAHTERA JAYA 2/1, TAMAN SEJAHTERA JAYA 09600 LUNAS, KEDAH Penjamin 2 : NOORASHIKIM BINTI NOORDIN - 75122407**** 20 LORONG BENTARA 22, TAMAN BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam : 11203 Peminjam : NABILA TASYA BINTI YAHYA - 89081607**** NO. 50 SOLOK KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
No Akaun Peminjam : 11204 Peminjam : NOR ASLINA BT ISMAIL - 82022608**** KIRI 858 MUKIM 11, KAMPUNG BUKIT, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG Penjamin 1 : MARZUKHE BIN ZULKIPLE - 79031907**** KIRI 858 MUKIM 11, KAMPUNG BUKIT, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG Penjamin 2 : NORASSIMA BINTI ISMAIL - 83093008**** 697 MK 11, KAMPUNG BUKIT 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11209 Peminjam : LAU KAI XIANG - 89051307**** 1-C JALAN GOTTLIEB, GEORGETOWN 10350 PULAU PINANG Penjamin 1 : LAU MENG - 49120807**** NO.1-C JALAN GOTTLIEB 10350 PULAU PINANG Penjamin 2 : LIM CHAI HON - 79050607**** BLOK A-2-5 TAMAN SRI SETIA, VALE OF TEMPE, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11210 Peminjam : KOO HUAI HONG - 87031935**** A 142 LORONG MUTIARA 2/1, TAMAN MUTIARA INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH Penjamin 1 : KOO SOON HOCK - 57120907**** A 142 LORONG MUTIARA 2/1, TAMAN MUTIARA INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH Penjamin 2 : KHAW SOON HAK - 73031907**** NO. 5 LORONG SELAYANG PERMAI 11, TAMAN SELAYANG PERMAI 13020 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam : 11213 Peminjam : SHAREENA BT JASNI - 82122007**** NO. 12A JALAN PERMATA BARU 1, TAMAN PERMATA BARU 14000 BUKIT MERTAJAM Penjamin 1 : ROZLIN BIN ABDUL RAHMAN - 74051907**** NO.118 JALAN BUTTERWORTH 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA Penjamin 2 : NURUL AZWA BINTI SAIMAN - 80080702**** NO. 314 JALAN MEWAH 7, TAMAN MEWAH, LUNAS 09600 KEDAH
No Akaun Peminjam : 11214 Peminjam : NUR HIDAYAH BINTI ABDUL AZIZ - 87070535**** 4051 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU Penjamin 1 : AZLINA BINTI ABDUL AZIZ - 82012207**** SB 627 UNIT 3 PADANG BENGGALI, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH Penjamin 2 : NURHAYATI BINTI ABDUL AZIZ - 77052807**** 4514 MUKIM 8, POKOK SENA 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam : 11216 Peminjam : OOI SEN YONG - 89031607**** 63A-16-6 JALAN LENGGONG, JELUTONG 11600 PULAU PINANG Penjamin 1 : OOI LYNE AUN - 64040407**** 63A-16-6 JALAN LENGGONG, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG Penjamin 2 : OOI SOO YONG - 85020607**** 63A-16-6 JALAN LENGGONG, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11218 Peminjam : M HAMDI BIN KHOSRAN - 83082807**** NO. 1331, MK4 PERMATANG NIBONG 13500 PERMATANG PAUH Penjamin 1 : MOHD HAMDAN BIN KHOSRAN - 85082307**** 1331 MK 4, PERMATANG NIBONG 13500 PERMATANG PAUH, SEBERANG PERAI TENGAH Penjamin 2 : SA ADIAH BINTI OMAR - 85010608**** 1331 MK 4, PERMATANG NIBONG 13500 PERMATANG PAUH, SEBERANG PERAI TENGAH	No Akaun Peminjam : 11220 Peminjam : LIM CHENG MEI - 91062607**** 14-E PINTASAN CECIL 1, GEORGETOWN 10300 PULAU PINANG Penjamin 1 : GOH JIN HUAT - 80111107**** BLOK 330-17-8 TAMAN GAMBIK, JALAN BUKIT GAMBIK, GELUGOR 11700 PULAU PINANG Penjamin 2 : LIM CHENG IM - 83082307**** BLOK 330-17-8 TAMAN GAMBIK, JALAN BUKIT GAMBIK, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 11212 Peminjam : PARAMASWARI A/P RAJAGOPAL - 86032535**** 86-07-16 DESA INDAH, PESIARAN PAYA TERUBONG 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG Penjamin 1 : PARVATHY A/P KARUPPAYA - 69081602**** VILLA KEJORA, BLOK 1-13A-3A HILIR PAYA TERUBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG Penjamin 2 : RAJAGOPAL A/L KARUPPAYA - 55032702**** 86-7-16 PERSIARAN PAYA TERUBONG 2, TAMAN INDAH RELAU 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11222 Peminjam : MUNIRAH BINTI MUNAWAR ALI - 89100307**** 25-B BLOK K, MUKIM 12, BATU MAUNG 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG Penjamin 1 : YASIR HAFIZ BIN MUNAWAR ALI - 80090407**** 25-B BLOK K MK 12, BATU MAUNG 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG Penjamin 2 : ANISA SHUHAIR BINTI MUNAWAR ALI - 82081807**** 25-B BLOK K MK 12, BATU MAUNG 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG		

Kadar pertumbuhan KDNK per kapita, P. Pinang juara di bawah Pakatan - Guan Eng

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Statistik oleh Jabatan Statistik Malaysia menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita bagi Pulau Pinang adalah jauh lebih baik berbanding di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN) dahulu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian bagi menyangkal dakwaan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan melalui tweetnya yang menyebut pertumbuhan KDNK per kapita Pulau Pinang adalah ketiga paling rendah antara tahun 2008 hingga 2016 berbanding semua negeri di Malaysia.

Menurut Guan Eng, kenyataan di Twitter Abdul Rahman benar, akan tetapi

di bawah pentadbiran CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus), **Pulau Pinang melonjak naik dari tangga paling bawah pada 2005 sehingga menjadi juara pada 2013 dan 2014 mengatasi 14 negeri lain.**

"Ya, Pulau Pinang (berada) di tangga bawah semasa pentadbiran BN yang bukan sahaja goyah dan layu.

"Sebab itu, Pulau Pinang di tangga bawah, tetapi sejak Pakatan Harapan...Pulau Pinang berjaya menjadi jaguh...nombor satu pada 2013 dan 2014," ujarnya kepada pemberita sejurus merasmikan sambutan Hari Air Sedunia di Taman Rekreasi Botani di sini 23 April lalu.

Berikut adalah statistik oleh Jabatan Statistik Malaysia dari tahun 2005 sehingga 2014 berdasarkan harga semasa:-

Kedudukan kadar pertumbuhan KDNK per kapita bagi negeri-negeri di Malaysia (harga semasa)											
	2005-2015 (%)	2006-2015 (%)	2007-2015 (%)	2008-2015 (%)	2009-2015 (%)	2010-2015 (%)	2011-2015 (%)	2012-2015 (%)	2013-2015 (%)	2014-2015 (%)	
1 WP Kuala Lumpur	123.3	WP Kuala Lumpur	108.1	WP Kuala Lumpur	90.6	WP Labuan	88.3	WP Labuan	87.7	WP Kuala Lumpur	34.0
2 WP Labuan	120.6	Perak	92.1	WP Labuan	73.9	WP Kuala Lumpur	68.7	WP Kuala Lumpur	66.1	WP Labuan	33.0
3 Perak	106.3	WP Labuan	87.3	Perak	71.4	Melaka	54.0	Perak	60.8	Perak	39.6
4 Kelantan	98.8	Melaka	80.6	Melaka	70.2	Perak	53.6	Melaka	56.9	Melaka	35.7
5 Melaka	95.3	Kelantan	78.8	Selangor	61.7	Johor	46.5	Johor	56.5	Johor	34.1
6 Kedah	86.0	Johor	73.8	Kelantan	57.6	Selangor	45.6	Selangor	49.7	Pulau Pinang	33.5
7 Pahang	83.5	Selangor	73.4	Johor	57.5	Kelantan	40.9	Pulau Pinang	49.0	Selangor	31.9
8 Selangor	81.4	Kedah	68.6	Pahang	50.5	Kedah	40.1	Pahang	47.7	Kedah	30.0
9 Johor	81.2	Pahang	67.6	Kedah	50.1	Perlis	36.2	Kedah	46.2	Pahang	27.0
10 Sabah	77.2	Sabah	62.6	Negeri Sembilan	49.2	Negeri Sembilan	36.2	Kelantan	43.4	Sarawak	25.6
11 Negeri Sembilan	76.7	Negeri Sembilan	61.0	Perlis	47.5	Pahang	35.8	Negeri Sembilan	43.4	Negeri Sembilan	25.0
12 Sarawak	74.0	Sarawak	58.4	Sarawak	42.9	Pulau Pinang	33.1	Sarawak	40.9	Kelantan	23.1
13 Perlis	67.7	Perlis	57.8	Pulau Pinang	42.9	Terengganu	26.4	Sarawak	40.7	Terengganu	23.0
14 Terengganu	67.2	Pulau Pinang	51.4	Sabah	39.9	Sarawak	18.6	Terengganu	38.9	Sarawak	22.9
15 Pulau Pinang	67.1	Terengganu	49.9	Terengganu	36.2	Sabah	12.6	Sabah	27.2	Sabah	10.7

Sumber: Pengiraan Penang Institute berdasarkan data semasa KDNK yang diterbitkan oleh Jabatan Statistik Malaysia.

Luncur *Penang Meeting Planners Guide*, sasar jana RM1 bilion melalui BE

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN - *Penang Convention & Exhibition Bureau* (PCEB) baru-baru ini meluncurkan *Penang Meeting Planners Guide* edisi kedua iaitu buku panduan komprehensif tentang perkembangan dan acara perniagaan atau *business events* (BE) di Pulau Pinang.

Disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, *Penang Meeting Planners Guide* menyenaraikan lebih daripada 130 lokasi, penginapan, restoran dan pembekal bagi membantu perancangan mesyuarat, acara perniagaan dan pemasaran serta menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan utama bagi pelancong perniagaan.

Guan Eng ketika berucap berkata, acara-acara perniagaan merupakan kunci utama yang menyumbang terhadap perkembangan pelancongan perniagaan atau *business tourism*.

"Pelancong perniagaan kebiasaannya secara purata membelanjakan kira-kira RM7,000 berbanding pelancong biasa yang cuma membelanjakan RM2,000 sahaja.

"Mengikut Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), industri pelancongan merupakan penyumbang utama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dengan kadar pertumbuhan secara purata mencecah 12 peratus setiap tahun sejak tahun 2004.

"(Dan) Malaysia bakal menjadi destinasi utama pilihan acara-acara perniagaan menjelang tahun 2020 dengan pendapatan kasar nasional (GNI) berjumlah RM3.947 bilion," ujarnya pada majlis peluncuran buku panduan berkaitan dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang; Penggerusi Malaysia Association of Hotels (MAH), Penang Chapter, Khoo Boo Lim dan Presiden Penang Centre of Education Tourism (PCET) dan Presiden Penang Centre of Medical Tourism (PMED), Mary Ann Harris.

Menurut Guan Eng, Pulau Pinang kini berada pada landasannya apabila sejumlah 141,864 delegasi luar negara dicatatkan menghadiri 1,251 acara perniagaan di Pulau



SEBAHAGIAN perwakilan industri pelancongan perniagaan merakam kenangan bersama-sama Ketua Menteri sejurus peluncuran *Penang Meeting Planners Guide* di sini baru-baru ini.

Pinang serta menjana pendapatan RM808 juta.

"Hampir 42 peratus daripadanya membabitkan mesyuarat, acara korporat dan insentif bertaraf global dan sekiranya tumpuan diberikan, saya percaya sektor ini (BE) mampu berkembang pesat sekaligus menyumbang terhadap ekonomi negeri ini.

"(Dan) dengan kemudahan seperti Pusat Konvensyen SETIA SPICE dan Pusat Konvensyen The Light Waterfront yang bakal siap pada 2022, Pulau Pinang mampu menjadi hab untuk acara-acara perniagaan," jelasnya yang memuji inisiatif PCEB menerbitkan *Penang Meeting Planners Guide*.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PCEB, G. Ashwin ketika ditemui berkata, pihaknya kini cuba menyahut cabaran Ketua Menteri yang mahu melihat pertumbuhan acara perniagaan sehingga 20 peratus tahun ini serta menjana pendapatan RM1 bilion.

"PCEB yakin dengan kemudahan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri, Pulau Pinang mampu menjadi destinasi pilihan pelancong perniagaan, sekaligus meningkatkan keupayaan sumber manusia dan pengurusan profesional di negeri ini," katanya.

PCEB merupakan biro yang ditubuhkan bagi merencana perkembangan acara perniagaan serta aktiviti MICE (*meeting, incentives, conference, exhibition*) di Pulau Pinang.

SEMICON, platform perkongsian industri semikonduktor dan elektronik

PANTAI JEREJAK - Lebih 7,500 pengunjung mengunjungi pameran rangkaian perkilangan elektronik terkemuka di Asia Tenggara, SEMICON Southeast Asia 2017 (SEMICON SEA 2017) bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Setia SPICE pada 25 hingga 27 April lalu.

Disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Sri Mustapa Mohamed bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, SEMICON ASIA 2017 merupakan platform perkongsian pandangan terhadap inovasi teknologi termasuk *Internet of Things* (IoT) yang bakal membawa perubahan besar kepada sektor perkilangan serta membuka pasaran baru bagi 'Disruptive Technology'.

Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong pandangan bernes dalam membangunkan industri semikonduktor dan elektronik.

"Perangkaan *World Semiconductor Trade Statistics* (WSTS) menunjukkan pertumbuhan pasaran semikonduktor tahun ini adalah memberangsangkan iaitu peningkatan 6.5 peratus atau USD361 bilion.

"(Dan) pertumbuhan pesat dijangkakan adalah bagi produk-produk analog, sensor bersilang dan memori pintar dengan kebanyakan syarikat seperti *Globetronics*, *Vitrox*, *Pentamaster*, *Inari* dan *Elsoft* yang berpangkalan di Pulau Pinang dan mempunyai kapasiti untuk membekalkan produk-produk terbabit bagi memenuhi permintaan pasaran global," ucapnya pada Majlis Perasmian SEMICON SEA 2017 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga Exco Pembangunan Industri & Perdagangan Antarabangsa; Presiden SEMI SEA, Ng Kai Fai; Penggerusi Semiconductor Fabrication Association of Malaysia (SFAM), Datuk Peter Halm dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud.

Pulau Pinang sokong petisyen bantah bina loji kuasa nuklear

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah negeri pertama yang menyuarakan tentang terhadap pembinaan loji tenaga kuasa nuklear di Malaysia dan akan terus berbuat demikian demi memastikan rakyat selamat daripada pencemarannya.

Nada tegas tersebut disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan sambutan Hari Bumi dan Majlis Penyampaian Sijil Idola Hijau Pulau Pinang 2017 anjuran Penang Green Council (PGC) di sini 22 April lalu.

Guan Eng berkata, sejak 2010, Kerajaan Persekutuan telah mencadangkan pembinaan dua loji kuasa nuklear di Malaysia.

“Kita bimbang jika mereka (Kerajaan Persekutuan) bakal menandatangani kontrak dengan industri loji kuasa nuklear tanpa pengetahuan rakyat.

“Tindakan Kerajaan Persekutuan yang menyembunyikan rancangannya untuk membina loji tenaga nuklear daripada rakyat sememangnya tidak boleh diterima,” tegasnya yang juga Pengurus PGC pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap Naib Pengurus PGC, Phee Boon Poh dan Pengurus Besar PGC, Thing Siew Shuen.

Mengulas lanjut, sebagai tanda sokongan padu, Guan Eng menyatakan bahawa semua tandatangan yang telah dikumpul sebelum ini bersama-sama petisyen atas talian Gabungan Menentang Nuklear Malaysia atau *MyCan* akan diserahkan kepada Putrajaya dalam tempoh terdekat.



KETUA Menteri, Phee Boon Poh (tiga dari kanan) dan Thing Siew Shuen (dua dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama Nur Wafa Yusra Fakhurrazi (tiga dari kiri) dan para pemenang lain pertandingan Idola Hijau Pulau Pinang 2017 di sini baru-baru ini.

“Kita (Pulau Pinang) akan menunjukkan sokongan padu terhadap petisyen dalam talian yang dilancarkan semula oleh *MyCan* dan semua tandatangan yang telah terkumpul akan diserahkan ke Putrajaya dalam masa terdekat,” ujarnya.

Pada penganjuran tersebut, Nur Wafa Yusra Fakhurrazi dinobatkan sebagai juara

Idola Hijau Pulau Pinang 2017 bagi Kategori A, Kategori B (S. Sanjit) dan Kategori C (T. Rashmira).

Ekoran kemenangan tersebut, ketiganya pemenang bakal membantu PGC menumpukan usaha serta menyebarkan idea-idea revolusi untuk meningkatkan kesedaran umum berhubung perubahan iklim.

Sambut Hari Bumi, MPSP & IHS Markit tanam 20 pokok

BAGAN DALAM – Sempena sambutan Hari Bumi Sedunia, syarikat perkhidmatan, IHS Markit dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengambil inisiatif melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menanam 20 pokok di kawasan lapang Taman Pantai di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd Sharif berkata, aktiviti berkongsepkan 4P (*people, public, private partnership*) tersebut diharap dapat menghijaukan lagi kawasan berkaitan.

“Program (4P) ini merupakan salah satu program di bawah Pelan Butterworth Baru yang mana ia bertujuan untuk membangunkan semula bandar Butterworth supaya lebih selesa untuk didiami,” ujarnya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah Program Think City Butterworth, Murali Ram dan Pengarah

Urusan Operasi IHS Markit, Vimi Ramasamy.

Pada majlis tersebut, sejumlah 20 pokok ditanam antaranya daripada spesies Cengal Pasir, Jambu Laut, Jati Laut dan pokok bunga Seri Pagi.

Selain aktiviti menanam pokok, program gotong-royong turut dijalankan oleh pihak berkaitan bagi membersihkan Rope Walk Taman Selat iaitu sebuah pusat sehenti jualan barang antik kedua terbesar di Malaysia.

Menurut Maimunah, jumlah taman dan pokok yang ditanam di sesebuah kawasan merupakan indikasi kepada persekitaran bandar yang menarik.

“Untuk menjayakan



MURALI Ram (barisan depan, kiri sekali), Maimunah Mohd. Sharif (barisan depan, dua dari kiri) dan Vimi Ramasamy (barisan depan, kanan sekali) menanam pokok Jambu Laut sebagai simbolik penganjuran majlis menanam pokok sempena Sambutan Hari Bumi Sedunia di sini baru-baru ini.

dan bekerjasama dengan pihak Majlis.

“Di bawah Pelan Butterworth Baru, program penghijauan ini

akan meningkatkan lagi wajah baru bandar Butterworth sebagai Gerbang Pulau Pinang,” seru beliau.

Pengasingan sisa di punca, Pulau Pinang jimat RM2.38 juta

AIR PUTIH – Semenjak Kerajaan Negeri memperkenalkan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bermula 1 Jun 2016, pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini berjaya mencapai penjimatan RM2.38 juta dalam pengurusan sisa pepejal.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika berucap di Majlis Pelancaran Program Pengasingan Sisa Di Punca Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih dekat Rumah Pangsa Taman Boundary di sini baru-baru ini.

“Mengikut pecahan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berjaya menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM1.59 juta, manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP (RM792,999), menjadikan keseluruhan RM2.38 juta.

“Oleh itu, saya ingin menyeru agar kita semua dapat melibatkan diri dalam program Dasar Pengasingan Sisa Di Punca demi alam sekitar dan masa depan anak-anak kita mulai hari ini.

“Malah, jika badan pengurusan sudah mulakan program dengan menyediakan tong-tong untuk pengasingan sisa sampah, terima kasih diucapkan,” ujarnya yang juga ADUN bagi kawasan Air Putih.

Hadir sama, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari; Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang; Ahli-ahli Majlis bagi MBPP, Joseph Ng Soon Siang, Syerleena Abdul Rashid dan Chris Lee Chun Kit.

Maklum Guan Eng, setakat ini, Pulau Pinang berjaya mencapai 33 peratus kadar kitar semula berbanding piawaian antarabangsa 40 peratus.

“Dalam kira-kira sembilan bulan dasar ini dijalankan, kita jimat RM2.38 juta, saya yakin kalau kita tingkatkan usaha pengasingan sisa di punca ini, tidak mustahil kita boleh capai penjimatan sebanyak RM5 juta,” serunya.

Tambah Guan Eng, selain memberikan penjimatan, pengasingan sisa di punca juga mampu mengurangkan pencemaran alam sekitar serta menjaga ekosistem, mengurangkan penjanaan sisa yang semakin meningkat ke tapak pelupusan sampah dan memanjangkan hayat tapak pelupusan sampah Pulau Burong.

Link Bike, inisiatif ke arah negeri mesra basikal pertama

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

PADANG KOTA – Pengenalan sistem perkongsian basikal atau *Link Bike* baru-baru ini merupakan antara inisiatif Kerajaan Negeri ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri mesra basikal pertama di Malaysia.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng ketika berucap pada Program Kayuhan Malam Bandar Warisan dekat Padang Kota baru-baru ini.

“Dengan ini (pengenalan *Link Bike*), kita (Pulau Pinang) juga menyertai negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Perancis, Jerman, China dan Australia yang turut mempunyai sistem basikal

seperti ini.

“Pulau Pinang menjadi negeri pertama dalam Malaysia yang mempunyai sistem seumpamanya, bahkan di Singapura pun masih belum ada sistem perkongsian basikal seperti ini,” katanya yang turut berkayuh dari Lebuh Phee Choon ke Padang Kota di sini pada malam pelancaran.

Menurut Guan Eng, sejak pelancaran rangkaian *Link Bike* pada November lalu, banyak maklum balas yang diterima daripada orang awam.

“Kebanyakan maklum balas yang dikemukakan adalah positif, iaitu kekurangan basikal untuk disewa. Justeru, kita setuju untuk tambah 60 basikal lagi menjadikan keseluruhan 250 basikal membabitkan seluruh kawasan warisan UNESCO ini.

“(Dan) ucapan terima kasih

kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang sanggup membantu projek *Link Bike* ini yang bernilai RM1.85 juta,” ujarnya.

Guan Eng dalam pada itu turut membayangkan laluan basikal bersepadu disambungkan sehingga ke Seberang Perai seandainya Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) bernilai RM27 bilion berjaya direalisasikan.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Patahiyah Ismail; Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang; Ahli-ahli Majlis bagi MBPP; Pengerusi Kelab Berbasikal G Club, Dr. Lim Seh Guan serta ahli-ahli Kelab Berbasikal MBPP.

Bagi menggunakan perkhidmatan berkaitan, pengguna terlebih dahulu perlu memuat turun



SEBAHAGIAN kakitangan MBPP yang mengambil bahagian dalam Program Kayuhan Malam Bandar Warisan dekat Padang Kota di sini baru-baru ini.

aplikasi *Link Bike* ke telefon pintar.

Setiap pas untuk menyewa bermula RM2 bagi tempoh 24 jam

atau sehari. Bagi sewaan melebihi 30 minit, sebanyak RM1 dikenakan terhadap setiap jam berikutnya.

1,000 peserta sahut cabaran triathlon dan duathlon Pulau Pinang



KETUA MENTERI, jemputan kehormat dan barisan penganjur melepaskan para peserta penganjuran Penang International Triathlon & Duathlon Kelima di sini baru-baru ini.

TELUK BAHANG – Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng diberi peggormatan melepaskan para peserta penganjuran Penang International Triathlon & Duathlon Kelima di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang berucap sebelum itu mempelawa kira-kira 1,000 peserta untuk hadir ke penganjuran *Fringe Food Festival* yang berlangsung dari 28 hingga 30 April lalu di pusat membeli-belah *Gurney Paragon*.

“Ayuh, nikmati makanan enak Pulau Pinang yang sudah terkenal dan terbaik di seluruh dunia! Jangan lepaskan peluang untuk hadir sempena miggul terakhir penganjuran *Penang International Food Festival* (PIFF) yang julung kalinya diadakan di sini.

“Selepas anda selesaikan acara *triathlon* dan *duathlon* ini, anda turut berpeluang menikmati

sajian-sajian enak negeri ini,” ucapnya penuh semangat pada majlis berkaitan.

Guan Eng dalam pada itu turut berjanji untuk meneruskan acara sukan berkaitan pada tahun hadapan.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Joseph Ng Soon Siang dan Pengerusi Penganjur, Dr. Lim Seh Guan.

Dalam acara *triathlon*, para peserta perlu melengkapkan tiga disiplin acara merangkumi renang 1.5 kilometer (km), berbasikal (40km) dan larian (10km).

Manakala bagi *duathlon*, para peserta cuma perlu melengkapkan disiplin renang dan berbasikal sahaja.

Setiap kategori dibahagikan mengikut umur dan jantina.

60 peserta sertai pertandingan boling SBM Pulau Pinang

GEORGE TOWN - Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Wong Yuee Heng melahirkan rasa kagum terhadap pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Society of Blind* (SBM) Cawangan Pulau Pinang yang aktif menganjurkan beberapa pertandingan sukan melibatkan golongan cacat penglihatan di sini.

Beliau berkata demikian ketika berucap mewakili Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng pada majlis Perasmian Pertandingan Tenpin Boling Peringkat Zon Utara dekat Classic Bowl di sini baru-baru ini.

“Saya difahamkan SBM Pulau Pinang sebelum ini aktif menganjurkan pelbagai acara sukan termasuk Ping Pong Piala

TAR, dam haji, membaling anak panah dan lain-lain membabitkan golongan cacat penglihatan.

“Hari ini pula, buat julung kalinya SBM Pulau Pinang dengan jayanya menganjurkan pertandingan boling melibatkan 60 peserta (normal dan cacat penglihatan) SBM cawangan negeri utara Semenanjung.

“Malah, sebagai tuan rumah, Pulau Pinang menghantar jumlah peserta paling ramai iaitu 20 orang,” ucapnya pada majlis berkaitan.

Tambah Yuee Heng, Kerajaan Negeri akan sentiasa memberi sokongan tidak berbelah-bahagi kepada acara-acara seperti itu dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai ‘Negeri Sihat’, di samping meningkatkan taraf kualiti hidup dan kesihatan.



WONG YUEE HENG (duduk, tiga dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian peserta yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Tenpin Boling Peringkat Zon Utara anjuran SBM Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

PDL operasi 24 jam setiap hari, sebagai pusat aktiviti sihat belia

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bertekad menjadikan Perpustakaan Digital Pulau Pinang atau *Penang Digital Library* (PDL) sebagai pusat aktiviti sihat pilihan belia dan beliananis di sini.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian waktu operasi baharu 24 jam PDL bermula 1 Mei dekat sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, dek sambutan yang begitu menggalakkan bukan sahaja daripada pelajar, malah warga emas dan profesional yang juga menggunakan kemudahan di sini, beliau berharap PDL mampu menarik golongan belia untuk melakukan aktiviti sihat.

"Mereka yang datang ke sini (PDL) bukan sahaja boleh meluangkan masa membaca lebih 3,000 judul bahan bacaan tersedia, malah juga dapat bersantai dan menjalankan aktiviti (yang sihat).

"Sememangnya ada (pihak) yang mempertikaikannya (keputusan untuk pelanjutan waktu operasi), namun, jika dilihat di outlet-outlet makanan segera yang beroperasi 24 jam, ramai anak-anak muda melepak di sana.

"(Dan) kenapa tidak, kita (Pulau Pinang) mencipta sejarah, mewujudkan perpustakaan yang beroperasi 24 jam dan menjadi pusat aktiviti (untuk) belia," ujarnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Dato' Ghazali Derahman; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri



SUASANA di kafe Love a Loaf.



REKA bentuk moden dan suasana selesa di tingkat 1.

(Pembangunan), Dr. Mohamad Farazi Johari; Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharati serta wakil-wakil daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan *Penang Free School Board of Governors*.

Selain PDL, outlet bakeri, *Love A Loaf* juga akan beroperasi 24 jam sehingga menjadikan outlet bakeri pertama di Malaysia yang beroperasi tanpa henti.

Dibuka kepada umum pada Oktober tahun lalu, PDL yang menerima kunjungan antara 1,800 hingga 2,200 pengunjung sebulan, kini beroperasi selama 24 jam sehari, tujuh hari seminggu sepanjang tahun termasuk cuti-cutii umum.

Terletak dalam perkarangan sekolah aliran berbahasa Inggeris tertua di Asia Tenggara, *Penang Free School*, PDL adalah hasil inisiatif bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Keysight Technologies (M) Sdn. Bhd. dan Eastern & Oriental Berhad dengan disokong oleh *TIME.com* melalui perkongsian PPP atau perkongsian awam-swasta secara tanggungjawab sosial korporat.

Projek bernilai RM3 juta tersebut adalah bertujuan untuk mentransformasikan mekanisme perpustakaan tradisional menerusi dunia digital.

Fakta menarik tentang *Penang Digital Library*:

- Penubuhan PDL diilhamkan sendiri oleh Ketua Menteri.



PDL pada malam pelancaran operasi 24 jam 1 Mei lalu.

- PDL merupakan perpustakaan digital pertama di Malaysia beroperasi 24/7.
- Pendaftaran sebagai ahli adalah RM60 setahun bagi dewasa dan RM30 bagi pelajar.

ASINGKAN SISA ANDA

Kesulitan kini demi keselesaan pada masa hadapan

SISA KITAR SEMULA

RECYCLABLES / 可循环物 /


மறுசூழ்சி செய்ய
முடிந்த கழிவுகள்



SISA BAKI

GENERAL WASTE / 垃圾 /

குப்பைகள்



Pulau Pinang syurga makanan, PIFF diteruskan tahun hadapan



AKSI Ketua Menteri ‘membantu’ menyediakan teh tarik.

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD & ALISSALA THIAN

SYURGA MAKANAN... Penganjuran sulung Penang International Food Festival (PIFF) yang berlangsung pada setiap hari dalam tempoh tiga minggu berturut-turut di sini mendapat sambutan cukup menggalakkan.

Makanan Pulau Pinang mempunyai peminat tersendiri’, merupakan jolokan utama lebih daripada 250,000 pengunjung dari dalam dan luar negara tidak melepaskan peluang untuk bersama memeriahkan penganjuran berkaitan.

Bermula pada 15 hingga 30 April lalu, lebih daripada 30 acara menarik serta tiga acara utama bertemakan Street Food Festival, Taste of Penang dan Fringe Food Festival menghiasi 16 hari penganjuran baru-baru ini.

Sebutkan sahaja menu yang diinginkan, dari makanan jalanan, kafe atau hotel, semuanya tersedia di PIFF!

Char kuetiau, laksa, mee Hokkien, nasi kandar, sup kambing, cendol, sate, daging ‘harimau menangis’ bahkan kek, pastri, cocktail dan sebagainya turut dihidangkan.

Ekoran sambutan yang memberangsangkan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berhasrat untuk meneruskan penganjuran PIFF pada tahun hadapan.



PERSEMBAHAN menarik pada malam penutupan PIFF.



SAJIAN moden dan tradisional yang disajikan.



SALAH seorang pengunjung bergambar dengan berlatar belakangkan gerai popular, Restoran Ikan Bakar Din yang menyajikan sajian istimewa, ‘Daging Harimau Menangis’.



GERAI sajian tradisional yang menjadi tumpuan pengunjung.



SUASANA kemeriah dan persembahan bunga api pada malam perasmian PIFF.



Waspada, pegawai MBPP wajib tunjuk kad kuasa jalankan pemeriksaan

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : M. TANUSHALINI

GEORGE TOWN - Orang ramai diminta berwaspada supaya tidak terpedaya dengan tindakan tidak bertanggungjawab beberapa kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang dikesan ‘meminta’ wang daripada beberapa pihak di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong berkata, dalam kejadian 12 April lalu, kira-kira jam 11.30 pagi, pemilik kedai kopi dan kedai runcit di Lorong Delima, Island Glades di sini didatangi seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai pegawai dari Bahagian Pelesenan dan ingin membuat pemeriksaan.

“Pegawai” tersebut kemudiannya dipercayai telah meminta sejumlah wang daripada pemilik berkaitan berhubung beberapa kesalahan yang dikesan oleh beliau.

“Pihak MBPP berjaya menghidi kes tersebut selepas salah seorang daripada mangsa tampil membuat laporan kepada Majlis dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) baru-baru ini.

Justeru, kita (MBPP) menyeru kepada pihak orang

ramai, terutamanya peniaga agar lebih berhati-hati sekiranya didatangi pihak yang mencurigakan.

“Pegawai MBPP yang menjalankan tugas di premis pengguna diwajib untuk menunjukkan kad kuasa terlebih dahulu dan setiap penguatkuasaan atau pemeriksaan perlu dijalankan sekurang-kurangnya oleh dua pegawai pada satu-satu masa,” ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli-ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang, Ahmad Azrizal Tahir, Syerleena Abd. Rashid dan Gan Ay Ling.

Dalam perkembangan lain, Soon Siang memberitahu, pihaknya juga berjaya mengesahkan taktik seorang kakitangan MBPP yang didakwa meminta wang sogokan daripada beberapa pemilik rumah/bangunan yang sedang diubah suai (*renovation*) atau tidak mempunyai kebenaran merancang.

“Kejadian ini dikesan berlaku pada awal tahun ini.

“Dia dipercayai akan meninggalkan sekeping kertas putih tulisan tangan kepada pemilik rumah/bangunan untuk diajak berbincang dan meminta wang sogokan bagi menyelesaikan kesalahan yang dilakukan,” jelasnya.

Difahamkan, kes-kes tersebut akan dirujuk ke peringkat atasan MBPP sebelum sebarang tindakan tatatertib diambil.



ONG Ah Teong (tengah) memerhatikan dua pegawai daripada Bahagian Pelesenan MBPP menunjukkan contoh kad kuasa PBT berkaitan pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Ekoran itu, MBPP memohon kepada semua pihak sekiranya didatangi individu mencurigakan, sila hubungi pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan segera untuk maklumkan hal tersebut.

Aduan boleh disalurkan kepada Bahagian Pelesenan MBPP di talian 04 - 263 8818 (waktu pejabat) atau hotline 04 - 263 7637 (24 jam).

Sedia laluan kaki lima bebas, penguatkuasaan diteruskan

GEORGE TOWN - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan meneruskan penguatkuasaan terhadap halangan tetap di sepanjang laluan pejalan kaki sekitar kawasan Tapak Warisan Dunia George Town tahun ini.

Ahli Majlis MBPP, Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata, usaha tersebut adalah sejajar dengan Cadangan Program Reruang Awam di dalam Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia iaitu menyediakan laluan kaki lima bebas daripada sebarang jenis hadangan atau halangan untuk keselamatan, kemudahan dan keselesaan pengguna.

“Sebanyak 17 halangan tetap telah dikenal pasti di sekitar tapak warisan, yang mana MBPP telah mengeluarkan surat secara pentadbiran kepada semua pemilik premis di sepanjang Lebuh Chulia sejak pertengahan tahun lepas.

“Sehingga kini (April), didapati sembilan premis telah mengeluarkan struktur tambahan tanpa kebenaran dengan sendirinya. Malah, pada masa sama, MBPP juga telah menjalankan tindakan penguatkuasaan atau perobohan terhadap empat premis lain.

Justeru, untuk tahun ini, MBPP mempunyai rancangan untuk mengeluarkan 10 peratus lagi halangan tetap yang telah menghalang laluan pejalan kaki dalam kawasan warisan,” ujarnya yang juga Pengurus Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Lalu Lintas MBPP pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-Ahli Majlis MBPP, Khoo Salma Nasution dan pemilik-pemilik premis perniagaan di sekitar Tapak Warisan Dunia George Town.



MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (kiri sekali) menunjukkan struktur tambahan yang menghalang laluan pejalan kaki yang telah dirobohkan dekat kaki lima sekitar Lebuh Chulia di sini baru-baru ini.

Antara lokasi yang dikenal pasti berhubung ‘permasalahan’ berkaitan ialah Lebuh Gereja, Lorong Soo Hong, Lebuh Armenian, Lebuh Buckingham, Lebuh Carnovan, Lebuh Campbell dan Jalan Masjid Kapitan Keling.

Pada tahun lalu, MBPP telah memilih Lebuh Chulia sebagai projek perintis untuk menggalakkan penggunaan laluan pejalan kaki, dan kempen berkaitan dimulakan sejak April 2016.

Justeru, Muhammad Bakhtiar menyatakan bahawa pihaknya mengharapkan kerjasama daripada semua pihak untuk memastikan kempen ‘Bandar Mesra Pejalan Kaki’ tersebut berkesan dan dilaksanakan dengan jayanya.

“MBPP komited dalam menyediakan laluan pejalan kaki yang bebas halangan dan akan sentiasa membantu para peniaga dalam apa cara yang boleh.

“Kaki lima yang bebas halangan boleh meningkatkan bilangan pejalan kaki dan secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai pelanggan untuk bertandang,” jelas beliau.

Pertandingan pupuk generasi muda cintakan bidang masakan



PARA peserta Pertandingan Memasak Dalam Taman 2017 bergambar kenangan bersama-sama pihak penganjur dan barisan pengadil di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN - Penganjuran Pertandingan Memasak Dalam Taman 2017 merupakan platform untuk pelapis generasi muda mencintai kelangsungan bidang masakan.

Pengarah Khidmat Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Rashidah Jalaludin berkata, saban tahun penganjuran sedemikian (Pertandingan Memasak Dalam Taman) yang dianjurkan bersama di antara MBPP dan Persatuan Jurumasak Pulau Pinang menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat umum.

“Memandangkan program berbentuk rekreasi ini memberi banyak manfaat kepada masyarakat, maka kita (MBPP) menjadikan ia acara tahunan Majlis.

“Diharap dengan penganjuran program sebegini, akan memberi

semangat kepada generasi muda mencintai bidang masakan serta menyemai nilai-nilai murni dan positif ke arah mewujudkan masyarakat penyayang yang saling tolong-menolong,” ucapnya mewakili Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP.

Hadir sama, Presiden Persatuan Jurumasak Pulau Pinang, Thomas Lee, wakil-wakil daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (JPNPP).

Pertandingan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Kategori Terbuka, Pelajar dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang mana setiap kategori mempunyai 12 peserta.

Pertandingan tersebut turut mendapat tajaan daripada gas memasak Petronas dan sayur-sayuran organik (JPNPP).

Pemeriksaan berterusan, tahap kebersihan premis makanan meningkat

PADANG KOTA – Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ong Ah Teong memaklumkan bahawa hasil daripada pemeriksaan premis makanan secara berkala dan sistem pengredan yang diperkenalkan ia, telah berjaya meningkatkan tahap kebersihan premis makanan di sini kini.

Menurut beliau, perbandingan tersebut dapat dilihat sejak tahun 2013 hingga 2016 yang mana premis yang mendapat Gred A serta B semakin bertambah, manakala bagi Gred C, markah 50 ke bawah serta gagal mencatatkan penurunan.

“Pada 2013, cuma 230 premis sahaja mendapat Gred A. Tahun lalu (2016) menunjukkan peningkatan apabila sejumlah 323 premis memperoleh pengredan A.

“Bagi Gred B, tahun 2013 (509 premis), 701 premis (2016).

“Pada tahun 2013, sebanyak 22 premis dikategorikan sebagai gagal dan jumlah tersebut telah berkurangan tahun lalu (2016) kepada sembilan premis sahaja.

“Ini jelas menunjukkan hasil daripada pemeriksaan yang sering dijalankan oleh MBPP, sedikit sebanyak memberi kesedaran kepada peniaga untuk meningkatkan kebersihan

premis masing-masing,” ujarnya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, barisan Ahli Majlis MBPP, Gan Ay Ling dan Tan Chiew Choon.

Mengulas lanjut, Ah Teong memaklumkan bahawa, MBPP kini dalam proses mengkaji semula Undang-undang Kecil Establishmen Makanan MPPP 1991 bagi memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) menutup premis yang didapati kotor.

“Premis yang gagal dan kotor hanya boleh diarahkan tutup oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bagaimanapun, MBPP faham bahawa KKM juga terikat dengan penugasan lain dan operasi secara bersama kadang-kala tidak dapat dijalankan. Justeru, adalah lebih baik jika MBPP sendiri mempunyai kuasa tersebut.

“Malah, berdasarkan statistik pada tahun 2016, tiada kedai yang ditutup kerana tiada operasi bersepadu dapat dijalankan oleh MBPP dan KKM,” jelasnya yang merupakan Pengurus Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP.

Bagi meningkatkan aspek kebersihan premis, orang ramai boleh memuat naik aplikasi *BetterPenang* atau



(Dari kanan), TAN Chiew Choon, Ong Ah Teong dan Gan Ay Ling menunjukkan dokumen berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.

emelkan aduan ke aduan@mbpp.gov.my atau terus menghubungi Bahagian Perlesenan MBPP di talian 04 – 263 8818.

Ahli Majlis cadang persidangan nasional PBT



MBP MBPP yang berlangsung di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN – Empat isu utama melibatkan aspek ekonomi, pengurusan alam sekitar, teknologi dan sosial dikenal pasti menjadi cabaran kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negara dalam melaksanakan peranannya ke arah kesejahteraan semua pihak.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Nur Zarina Zakaria berkata, PBT di Malaysia merupakan satu agensi paling penting ekoran struktur pentadbiran dalam negara yang meletakkan PBT sebagai ‘kerajaan’ ketiga selepas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

“Umum mengetahui bahawa PBT adalah agensi yang paling hampir dengan penduduk setempat kerana aktiviti sehari-hari (penduduk) seperti pelesenan, percuaian, kemudahan awam dan sebagainya semuanya adalah melibatkan PBT.

“Oleh demikian, PBT tidak pernah terlepas daripada permasalahan dan sentiasa menjadi perhatian khasnya dalam kalangan penduduk setempat,” ujarnya

yang juga Pengurus Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan MBPP ketika membentangkan ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Nur Zarina memberitahu bahawa peranan sesebuah PBT dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan adalah berbeza di antara satu sama lain.

Justeru, beliau menyarankan agar satu persidangan peringkat nasional di antara PBT seluruh negara dapat diadakan dan menjadi platform perkongsian maklumat.

“Jika dilihat dari segi peranan PBT dengan PBT yang lain adalah berbeza.

“Ini disebabkan sumber kewangan, sumber manusia dan perundungan. Begitu juga keutamaan sesebuah PBT yang berbeza ekoran perlu memenuhi kehendak setempat dan pertindihan bidang kuasa.

“Justeru, setiap daripada permasalahan ini perlu diberi perhatian serius dalam memastikan semua peruntukan sedia ada dapat dilaksanakan dengan berkesan dan sistematis,” jelas Nur Zarina.

Basikal lebih dua roda dilarang beroperasi di zon warisan

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : MBPP

GEORGE TOWN – Tiga kompaun di bawah Undang-undang Kecil (3) Menjalankan Perniagaan Tanpa Lesen dan Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) 1991 dikeluarkan terhadap tiga pemilik premis yang didapati menjalankan perniagaan menyewa basikal empat roda di sini baru-baru ini.

Jumlah tersebut adalah hasil enam pemeriksaan yang dijalankan pada operasi bersepadu penguatkuasaan membabitkan MBPP, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 22 April lalu.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melalui laman Facebooknya menyatakan bahawa tiga kompaun tersebut adalah disebabkan kesalahan tindakan mempamerkan iklan penyewaan basikal empat roda yang telah diharamkan penggunaannya sebelum ini yang tidak memperoleh kelulusan daripada JPJ.

“Semua pemilik premis telah diberikan nasihat dan amaran agar segera menghentikan aktiviti sewaan basikal empat roda kepada pengguna sebelum ini,” jelas kenyataan berkaitan di sini.

Operasi penguatkuasaan tersebut adalah antara langkah drastik yang dijalankan oleh MBPP bersama-sama JPJ dan PDRM bagi membendung penggunaan basikal empat roda di sekitar kawasan Tapak Warisan Dunia George Town kini.



KAKITANGAN MBPP dan PDRM sedang membuat pemeriksaan terhadap basikal empat roda dalam operasi bersepadu di sini baru-baru ini.

Penduduk Flat Desa Timur sahut cabaran pengasingan sisa di punca

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI
Gambar : ADUN

AIR ITAM – Penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang bakal dilaksanakan secara mandatori mulai 1 Jun 2017 disambut baik rakyat Pulau Pinang, khususnya penduduk di Flat Desa Timur di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Wong Hon Wai berkata, pihaknya kini giat melaksanakan kempen pendidikan bagi membudayakan pengasingan sisa domestik di punca dalam kalangan penduduk di Air Itam.

“Pastinya dengan kerjasama antara pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan persatuan penduduk, hasrat Kerajaan Negeri untuk melaksanakan pengasingan sisa di

punca ini akan berjaya.

“(Dan) saya gembira apabila penduduk di sini menyahut cabaran untuk mengasingkan sisa domestik masing-masing bagi tujuan kitar semula,” ujarnya sejurus melancarkan sudut pengasingan sisa di Flat Desa Timur di sini 23 April lalu.

Menurut Hon Wai, melalui pengenalan sudut pengasingan sisa, penduduk secara sendirinya akan mengasingkan sisa yang boleh dikitar semula ke dalam ruang yang disediakan.

Terdapat tiga ruang pengasingan sisa disediakan iaitu ruang bagi kertas, plastik dan botol plastik serta tin aluminium dan logam.

“Malah, ketiga-tiga ruang ini turut dicatkan dengan warna yang berbeza bagi memudahkan penduduk mengenali jenis sisa,” jelasnya.



WONG Hon Wai (berbaju merah jambu) bersama-sama wakil penduduk di Flat Desa Timur menyempurnakan gimik pelancaran sudut pengasingan sisa di sini baru-baru ini.

Anjur dialog, seru isu trafik Taman Desa Putra ditangani segera

PANTAI JEREJAK - Isu malar segar mengenai masalah trafik sekitar Taman Desa Putra, dilema parkir tidak cukup serta saman kenderaan milik penduduk setempat antara yang dibangkitkan dalam Program Sembang Santai Bersama-sama Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hanson di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Rashid memberitahu, pihaknya akan memanggil Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk saling berbincang dengan pihak polis mengenai isu-isu membabitkan komuniti Pantai Jerejak.

“Kita akan mengadakan satu lagi dialog lanjutan dalam masa terdekat melibatkan MBPP dan pihak polis

untuk menyelesaikan isu berkenaan.

“Kita pernah menyelesaikan isu saman sebelum ini hasil keterlibatan pihak polis dan (pihak) Majlis.

“Dalam isu akses keluar masuk dan parkir, kita akan dapatkan Jabatan Kejuruteraan MBPP. Satu lawatan akan diusahakan secepat mungkin dalam mencari penyelesaian isu parkir berlapis serta mendapatkan kelulusan akses alternatif bagi penduduk terlibat,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Mohd. Rashid dalam pada itu turut mengakui sembang santai adalah satu medium penyelesaian masalah dan mendengar keluhan penduduk dengan lebih berkesan.



MOHD. Rashid Hasnon (berbaju putih) menunjukkan bakat bermain sepak takraw sambil diperhatikan beberapa kanak-kanak pada penganjuran Program Sembang Santai Bersama-samanya di sini baru-baru ini.

“Dialog secara langsung semacam ini lebih bagus dan saya lebih suka begini, yang mana penduduk memberi aduan secara terus dalam suasana santai... berbeza dari segi kebiasaan melalui emel, telefon dan aplikasi telefon pintar,” jelasnya.

Turut hadir, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A. Kumaresan dan Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Nibong Pantai, Mohd. Nazri Idris.

Difahamkan, Mohd. Rashid sebelum ini turut menggunakan pendekatan sama bersama penduduk dalam memperjelaskan isu tambakan laut berhampiran pusat membeli-belah Queensbay Mall.

BORANG-BORANG BOLEH DIDAPATI DI:

TABUNG USAHAWAN TANI MUDA NEGERI PULAU PINANG

JABATAN PERTANIAN +04-537 2142

JABATAN PERIKANAN +04-657 2777

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR +04-508 4368

Anjur kelas bimbingan percuma mengenang jasa Karpal Singh

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **G. REVATIC**

SERI DELIMA – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer menganjurkan kelas bimbingan akademik secara percuma untuk pelajar tempatan yang bakal menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sini.

Bercakap kepada pemberita, Rayer memberitahu, hasrat menganjurkan kelas bimbingan akademik secara percuma itu sebenarnya adalah hasrat bekas Ahli Parlimen Bukit Gelugor, mendiang Karpal Singh.

“Kita (kepimpinan setempat) bersetuju untuk menamakan kelas bimbingan ini sebagai Kelas Bimbingan Karpal Singh bagi mengenang kembali sumbangan mendiang sebagai seorang tokoh yang hebat.

“Saya telah meminta supaya Saudara Jagdeep Singh Deo (anak sulung mendiang) membawa cadangan saya untuk perhatian Ketua Menteri untuk mengadakan

Program Bas Sekolah Percuma sebagai meringankan beban ibu bapa yang terpaksa menanggung kos sara hidup yang kian meningkat kini,” katanya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Selain Japdeep, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh yang juga anak ketiga mendiang; isteri mendiang, Gurmit Kaur; Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Tun Sardon, Mohd. Hafiz Abdul Aziz dan Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid turut serta sidang media tersebut.

Pada majlis berkaitan, turut diraikan adalah sumbangan penghargaan kepada pelajar-pelajar cemerlang UPSR dan SPM bagi Kawasan Dewan Undangan Negerinya (KADUN).

Jagdeep yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan turut menzahirkan penghargaan atas inisiatif Rayer melaksanakan program kebajikan rakyat dengan mengenang jasa mendiang Karpal.



R.S.N. Rayer (enam dari kanan) dan Jagdeep Singh Deo (empat dari kiri) bergambar bersama-sama dif-dif jemputan serta pelajar cemerlang UPSR dan SPM yang menerima penghargaan khas di sini baru-baru ini.

“Sejak 2008, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan pelbagai program kebajikan dan kerja-kerja amal untuk rakyatnya.

“(Dan) usaha Saudara Rayer menganjurkan kelas bimbingan percuma untuk pelajar yang bakal menduduki peperiksaan UPSR

dan SPM wajar dipuji,” jelasnya.

Difahamkan, kelas bimbingan percuma tersebut telah memasuki tahun kedua penganjurannya dengan menawarkan subjek Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains bagi memastikan pelajar menguasai subjek-subjek

berkaitan.

Pada majlis sama, Rayer dan Ramkarpal menyampaikan sumbangan berjumlah RM30,000 untuk kos perjalanan kelas bimbingan akademik serta saguhati guru-guru yang terlibat dalam program kebajikan itu.

Asing sisa di punca, ADUN giat laksana taklimat kesedaran

BATU MAUNG

– Sebagai inisiatif bagi menjayakan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang bakal dikuatkuasa pada 1 Jun ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato’ Abdul Malik Abul Kassim giat melaksanakan program kesedaran t a m b a h a n m e m b a t k a n penduduk Kawasan Dewan Undangan Negeri ini (ADUN) kini.

Abdul Malik berkata, taklimat berkaitan adalah salah satu usaha untuk mendidik masyarakat setempat agar dapat menyesuaikan diri dengan perubahan berkenaan kelak.

“Ini adalah inisiatif khas yang diambil untuk memaklumkan isi-isi rumah di dalam kawasan Batu Maung.

“Marilah kita jadikan kawasan perumahan dan kejiranan kita sebagai contoh terbaik bukan sahaja dari aspek kualiti kehidupan, malah kebersihan juga!”



ABDUL Malik Abul Kassim (dua dari kiri) dan Sim Tze Tzin (tengah) ketika merasmikan Pusat Komuniti Southbay Residences di sini baru-baru ini.

serunya pada sesi Taklimat Pengasingan Sisa Di Punca Kategori Taman Perumahan di Southbay Residences di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin dan kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Selain merasmikan Pusat Komuniti Southbay Residences, Abdul Malik turut berkesempatan menyantuni penduduk setempat dan mendengar keluhan serta permasalahan dihadapi mereka.

Asing sisa di punca jana pendapatan sampingan persatuan penduduk

SEBERANG JAYA

– Persatuan penduduk mampu menjana pendapatan sampingan dengan melaksanakan amalan pengasingan sisa di punca, sebagaimana dikuatkuasakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mulai 1 Jun ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berkata demikian pada Majlis Taklimat Pengasingan Sisa Di Punca dan Seberang Jaya Sihat dekat Pangaspuri Permata, Bandar Perda Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

“Kumpul sampah dan duit hasil kitar semula ini kita dapat balik, kalau kita tak ambil peluang ini dengan bilangan penduduk yang ramai di sini, macam-macam kita boleh buat.

“Pengasingan dan pengumpulan sisa yang boleh dikitar semula boleh menjana pendapatan sampingan kepada persatuan penduduk dan JKKK di sini,” jelasnya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan pada majlis berkaitan.

Turut serta, Ahli Majlis MPSP, Shuhada Abdul Rahim, Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Simpang Empat/Permatang Rawa/Permatang Batu, Azhar Che Mat.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, Afif berharap warga Seberang Perai terus mencari jalan untuk



mengurangkan keterhasilan sampah di rumah masing-masing, sekaligus membantu MPSP menjimatkan sumber dana awam pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

“MPSP mampu menjimatkan kira-kira RM11,110 ‘tipping fee’ dalam sehari jika 50 peratus daripada 1,100 tan metrik sampah yang dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong berjaya dikurangkan.

“Jika penduduk boleh membantu MPSP mengurangkan keterhasilan sampah harian pada 550 tan metrik sehari, ertinya jumlah ‘tipping fee’ dalam tempoh sebulan yang berjaya dijimatkan adalah kira-kira RM333,000 dan mencecah RM4 juta untuk setahun,” katanya sambil menganggap amalan kitar semula dan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang dilaksanakan sebelum ini berjaya mengurangkan keterhasilan sisa baki di Seberang Perai.

Rekod MPSP antara lain mendedahkan berat kutipan sampah MPSP dalam tempoh Januari hingga Mei 2015 berjumlah 189,240.46 tan, berbanding tempoh sama pada tahun ini seberat 172,232.56 tan, dengan angka penurunan dicatatkan sebanyak 17,008 tan.

Kadar kitar semula MPSP dan Negeri masing-masing direkodkan paling tinggi di Malaysia, iaitu 39 peratus dan 32 peratus.



Sila isi butiran berikut:

Nama:
No. My Kid / Kad Pengenalan:
Alamat:
Nama Ibu / Bapa / Penjaga: (Bimbbit):
No. Telefon : (Rumah) (Bimbbit):
Emel:

Terma & Syarat Peraduan:

1. Peraduan dibuka dari **1 April 2017** hingga **31 Julai 2017**.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantarkan seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil karya adalah hak milik pengaju.
6. Keputusan pengadil adalah mutlak.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan pengaju adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

Hadiyah:

Pertama: RM400
Kedua : RM250
Ketiga : RM150
4 Hadiah Saguhati